ڤتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"AMBILLAH pengajaran daripada bangsa-bangsa yang maju, mereka itu tidak mudah untuk membelakangi identiti masing-masing. Inilah juga yang sepatutnya ada pada kita".
- Titah Sempena Majlis Konvokesyen Ke-7 Universiti Teknologi Brunei pada 12 Muharam 1441H / 12 September 2019M.

# Pelita BRUNEI

ڤليتا بروني

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

مانيسڽ ايمان

MANISNYA IMAN

DARIPADA Ibnu Umar Radiallahuanhuma, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :"Sembahyang berjemaah itu lebih utama (baik) daripada sembahyang bersendirian dengan dua puluh tujuh darjat".
- Riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim.

*Waktu Sembahyang*

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5.07 | 5.17 | 6.35 | 6.58 | 12.35 | 3.54 | 6.33 | 7.44 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 21 | 17 FEBRUARI 2020 / 1441 جمادى الأخير 23 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA


# Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Tionghua meriah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Tionghua 2020. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (*Lihat muka 3 dan 4*).


IKUTI KAMI DI

APLIKASI MUDAH ALIH *InfoDeptBN*

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn

infodept_bn


## Berita Utama



Muka 8



Muka 19



Muka 20



Muka 21

# Bendera Besar NBD berkibar megah

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 16 Februari. - Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) berkibar megah di ibu negara sekali gus menandakan bermulanya acara-acara keraian sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-36, Tahun 2020.

Upacara Pengibaran Bendera Besar NBD sempena sambutan tersebut diadakan hari ini di Kawasan Lapang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada upacara tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Juga hadir, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-36, Tahun 2020.

Ke muka 10

# Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia DPMM

Oleh : Mohamad Azmi Awang Damit, Rohani Haji Abdul Hamid, Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin, Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 16 Februari. - Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) petang tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison sempena Sambutan Hari Puja Usia Yang Ke-46 Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Ke muka 6

# Martabatkan nilai budaya tujuh puak NBD

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

**ALHAMDULILLAH**, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua dapatlah kita berkumpul pada petang ini bagi Festival Kebudayaan III : Alat-Alat Muzik Tujuh Puak di Negara Brunei Darussalam. Dalam kesempatan ini, dirakamkan setinggi tahniah dan penghargaan kepada bahagian dan jabatan-jabatan berkenaan serta setiap agensi, persatuan dan individu yang terlibat dalam sama-sama merealisasikan festival yang indah dan unik ini. Amat dibanggakan pengendalian Festival Kebudayaan menambahkan lagi platform bagi kita secara Whole of Nation untuk terus memartabatkan, memelihara dan memajukan lagi nilai budaya tujuh puak di Negara Brunei Darussalam agar ianya sentiasa dipertahankan oleh generasi kini dan seterusnya.

Seperti dimaklumi bersama, pengukuhan identiti bangsa adalah teras kepada sektor kebudayaan yang mempunyai elemen mendidik untuk memberikan kefahaman warisan budaya dalam pembangunan negara-bangsa. Ekspresi budaya puak etnik seperti makan tahun, memucang - mucang, *badiangdangan* dan sebagainya adalah manifestasi jati diri bangsa kita sebagai orang Brunei yang kaya dengan adat, budi bahasa dan tatasusila luhur yang berlandaskan kepada falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). Inilah keunikan warisan budaya turun-temurun kita yang hendaklah diperkukuhkan setiap masa kerana di sinilah kekuatan setiap puak etnik Negara Brunei Darussalam sebagai satu bangsa bersepadu yang membanggakan identiti kita tersendiri.

Pada tahun ini, peramba / saya amat menyambut baik Festival Kebudayaan III tertumpu kepada Alat-Alat Muzik Tujuh Puak di Negara Brunei Darussalam. Sepertimana Festival Kebudayaan Pertama dan Kedua yang menjurus kepada perkahwinan dan adat resam puak etnik pada tahun 2013 dan 2015, alat-alat muzik turut mempunyai nilai kepentingan sebagai ekspresi budaya estetik dan simbolik yang *tangible* dari segi peralatan muzik itu sendiri, mahupun *intangible* dari aspek alunan lagu dan muzik turun-temurun. Sememangnya, sebagai penghubung antara generasi dan setiap lapisan masyarakat, alat dan alunan muzik yang mempunyai makna yang mendalam bagi setiap puak etnik juga berperanan mustahak



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin berucap merasmikan Festival Kebudayaan III : Alat-Alat Muzik Tujuh Puak di Negara Brunei Darussalam pada Sabtu, 17 Rabiulakhir 1441H bersamaan 14 Disember 2019M di One City Mall, Kampung Salambigar.

dalam memelihara identiti bangsa. Ia sekali gus dapat mengukuhkan ikatan sosial (*social fabric*) ke arah menjamin kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya.

Oleh yang demikian, amatlah penting bagi usaha memperkukuhkan muzik puak etnik untuk bermula dalam masyarakat itu sendiri, terutamanya di kalangan belia. Peramba / saya turut melihat di sinilah juga peluang keemasan untuk memanfaatkan kaedah terkini bagi meningkatkan lagi kesedaran dan penghayatan masyarakat terhadap muzik puak-puak etnik seperti penggunaan *music technology*, alat muzik baharu dan platform untuk menyebarkan keindahannya.

Di sinilah sifat muzik yang dinamik dan sensitif kepada keadaan semasa. Walau bagaimanapun, apa yang pasti kekal ialah elemen keasliannya yang perlu dipelihara dan diteruskan zaman-berzaman.

Pada masa yang sama, penghayatan muzik juga perlu dilihat dalam konteks pemeliharaan khazanah budaya yang lain seperti pertuturan bahasa dan sastera yang menjadi jiwa nurani bangsa Brunei yang berpegang teguh kepada konsep MIB. Apa yang paling penting, pemeliharaan muzik sebagai ekspresi estetik dan simbolik hendaklah diimbangkan dengan kepelbagaian elemen budaya yang sama-sama memainkan peranan dalam membina imej dan jati diri bangsa. Semua elemen ini mencerminkan keharmonian dan perpaduan bangsa di samping sentiasa mengutamakan ajaran agama Islam sebagai agama rasmi negara dan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Dengan hala tuju tersebut, insyaAllah, peramba / saya amat yakin usaha berterusan untuk memartabatkan setiap elemen budaya warisan akan memberikan nilai tambah ke arah evolusi dan usaha mempertahankan lagi budaya sebagai teras identiti kita. Apa yang dihasratkan ialah impak dan kesan dalam jangka masa yang panjang. Oleh itu, amatlah mustahak Festival Kebudayaan hari ini untuk menarik jumlah pengunjung yang signifikan untuk sama-sama menghargai nilai budaya warisan yang amat dicintai melalui seni muzik.

Walaupun kita akan terus dihadapi oleh cabaran-cabaran baharu, apa yang perlu diutamakan dan diteruskan ialah pegangan kepada nilai dan akhlak dalam amalan budaya kita, yang menjurus kepada pembangunan sahsiah dan identiti diri, puak, masyarakat dan negara bangsa termasuk ekspresi budaya muzik yang ditunjukkan hari ini. Sebagai langkah seterusnya, saya amat berharap dan turut mencadangkan bahasa setiap puak etnik untuk turut ditonjolkan dengan membukakan peluang kepada orang ramai untuk mempelajari dan terus menghidupkan bahasa-bahasa etnik termasuk melalui kelas-kelas.

Bagi mengakhiri ucapan ini, sekali lagi, dirakamkan ribuan terima kasih dan setinggi tahniah kepada setiap agensi dan individu yang terlibat dalam mengendalikan festival yang amat bermakna ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga tidak lupa diucapkan kepada para peserta dan wakil puak-puak etnik yang berusaha untuk memastikan kelancaran dan kesempurnaan Festival Kebudayaan. Semoga festival ini pada akan terus membawakan manfaat serta mencapai hasratnya untuk menentukan budaya warisan tetap diberikan keistimewaan, insyaAllah.

Dalam pada itu, dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan dengan kalimah agung Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan sukacitanya melancarkan Festival Kebudayaan III; Alat-Alat Muzik Tujuh Puak.

Sekian. *Wabillahit Taufiq Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.*

## Dari Sidang Pengarang.

17 FEBRUARI 2020 BERSAMAAN 23 جمادى الأخير 1441

### KIBAR BENDERA LAMBANG KEDAULATAN NEGARA

**SETIAP** negara mempunyai benderanya tersendiri, ini kerana bendera negara merupakan lambang kepada kewujudan dan kedaulatan sesebuah negara yang mana semua negara di dunia ini memiliki bendera rasmi mereka sendiri tidak terkecuali dengan negara kita Negara Brunei Darussalam.

Bendera negara yang berwarna kuning, putih, hitam dan merah adalah sebagai lambang kepada kewujudan dan kedaulatan sebuah negara. Dari itu sebagai rakyat sebuah negara yang merdeka, kita perlu meningkatkan semangat patriotisme. Dan tidak ada alasan untuk tidak mengibarkan bendera.

Pengibaran bendera merupakan satu simbolik dan platform dalam menzahirkan perasaan cinta serta semangat patriotik kepada raja, negara, bangsa dan agama serta kesatuan dan perpaduan pada mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan serta identiti bangsa.

Tanggal 23 Februari 2020 yang tidak lama lagi akan menjelang adalah Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36. Dengan demikian selaku rakyat dan penduduk negara bertuah ini, amat berperanan penting dan bertanggungjawab meraikan sambutan itu dengan mengibarkan bendera kebangsaan negaradi rumah-rumah persendirian, kawasan-kawasan pembinaan dan perusahaan, premis-premis perniagaan dan pejabat dan sebagai tanda hormat dan bangga terhadap bendera negara yang menjadi lambang kedaulatan dan maruah bangsa dan negara yang tercinta.

Upacara Pengibaran Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang diadakan seluruh negara bermula kelmarin, 16 Februari adalah sinonim dan sebagai lambang kepada kewujudan dan kedaulatan sebuah negara. Sebagai bangsa yang merdeka dan bersatu padu, kita perlu menzahirkan secara lahiriah semangat patriotisme dari jiwa besar kita dengan penyertaan kita dengan sama-sama mengibarkan bendera negara.

Bendera kebangsaan kita adalah simbol kenegaraan yang paling kaya yang mencerminkan aspirasi, kepercayaan dan nilai-nilai rakyat dan penduduk negara ini. Dari itu, semua pihak perlu sama-sama memberikan impak positif dalam mencetuskan kesedaran akan kepentingan mengibarkan bendera negara sebagai simbol patriotisme dan nasionalisme bangsa, di samping menyuntik semangat kenegaraan yang tinggi dalam kalangan warga, berlandaskan falsafah negara Melayu Islam Beraja. Ke arah merealisasi hasrat murni ini, sokongan padu dan kerjasama semua pihak yang berkepentingan, terutama sekali di peringkat akar umbi adalah sangat diperlukan bagi membarigakan mesej mengenai tanggungjawab mengibarkan bendera pada hari-hari kebesaran negara, termasuklah tatacara yang betul mengibarkannya.

Perkara ini amat bersesuaian dengan usia dewasa negara kita telah mengalami pelbagai kemajuan dan kejayaan sama ada dari segi ekonomi, sosial dan kestabilan politik. Semua itu adalah berkat kepimpinan Ketua Negara yang disayangi rakyat iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah memimpin negara ini hampir 52 tahun dengan dilimpahi kemewahan, kesejahteraan dan keamanan.

Selain sebagai tanggungjawab penting, pengibaran bendera juga dilihat sebagai ukuran semangat patriotik rakyat dan penduduk di semua peringkat. Apabila bendera dapat berkibar dengan megahnya di setiap pelosok negeri, di bandar dan kampung, di bangunan-bangunan kerajaan, premis-premis perniagaan dan lain-lain menunjukkan betapa negara dan seluruh rakyat serta penduduk-penduduk bersyukur menyambut hari bersukut baik dan penuh bersejarah.

Dengan yang demikian bersama-samalah kita menjadikan pengibaran bendera sebagai satu cara amalan hidup yang sepatutnya sudah terpahat sebagai budaya dalam kehidupan kita. **- Ketua Penyuntingan (Zs).**

### RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 32 / 25 °C | 32 / 26 °C | 32 / 26 °C |
| PEKAN BANGAR | 32 / 26 °C | 32 / 26 °C | 32 / 26 °C |
| PEKAN TUTONG | 32 / 26 °C | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C |
| KUALA BELAIT | 32 / 26 °C | 32 / 26 °C | 32 / 25 °C |

Wallahualam Bissawab Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam www.met.gov.bn | Talian Cuaca 114 | Brunei WX App

### WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi FEBRUARI | HARI | Hijrah JAMADILAKHIR | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 17 | ISNIN | 23 | 5.07 | 5.17 | 6.35 | 6.58 | 12.35 | 3.55 | 6.33 | 7.44 |
| 18 | SELASA | 24 | 5.06 | 5.16 | 6.35 | 6.58 | 12.35 | 3.54 | 6.34 | 7.44 |
| 19 | RABU | 25 | 5.06 | 5.16 | 6.35 | 6.57 | 12.35 | 3.54 | 6.34 | 7.44 |
| 20 | KHAMIS | 26 | 5.06 | 5.16 | 6.35 | 6.57 | 12.35 | 3.54 | 6.34 | 7.44 |
| 21 | JUMAAT | 27 | 5.06 | 5.16 | 6.34 | 6.57 | 12.35 | 3.53 | 6.34 | 7.44 |
| 22 | SABTU | 28 | 5.06 | 5.16 | 6.34 | 6.57 | 12.35 | 3.53 | 6.34 | 7.44 |
| 23 | AHAD | 29 | 5.06 | 5.16 | 6.34 | 6.56 | 12.35 | 3.53 | 6.34 | 7.44 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN | AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Tionghua meriah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bersama paduka-paduka anakanda berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Tionghua 2020 (atas dan kanan).



**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 15 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat bagi memeriahkan Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Tionghua 2020 anjuran Masyarakat Tionghua di negara ini.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha pada Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Tionghua 2020 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dijunjung oleh Yang Dimuliakan Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, selaku Penasihat Kehormat Majlis; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Ong Tiong Oh, selaku Pengerusi Kehormat Majlis; dan Awang Lau Shiew Yuen selaku Pengerusi Majlis serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Majlis.

Berangkat sama paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

**Ke muka 4**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan beramah mesra dan berswafoto pada majlis tersebut.



KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri bersama paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan bergambar ramai bersama para atlet Persatuan Wushu Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri bersama paduka-paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan beramah mesra bersama peserta tarian *ballet* yang juga disertai oleh cucunda Kebawah DYMM, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah (kiri). Manakala gambar kanan, persembahan tarian *ballet* yang disembahkan pada majlis tersebut.






**KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda dijunjung bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Majlis.**

**Dari muka 3**

Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Sejurus keberangkatan tiba Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja dijunjung bergambar ramai bersama ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Majlis.

Di Dewan Plenary, majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang dinyanyikan oleh para pelajar dari Sekolah Chung Hua Kuala Belait dan diikuti dengan pesambah ke hadapan majlis Kebawah DYMM.

Majlis ramah mesra perayaan diserikan dengan persembahan pelbagai rentak lagu, nyanyian dan seni tarian kebudayaan yang menampilkan para penuntut Sekolah Chung Hua Kuala Belait, Persatuan Wushu Brunei, penari dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta dari Studio Eleve.

Persembahan dimulakan dengan tarian kebudayaan Cina 'Mo Li Hua' yang bermakna Bunga Jasmine merupakan sebuah lagu rakyat yang terkenal di China. Tarian ini menggabungkan seni timur dan barat di mana koreografi tarian ini lebih inovatif dengan lambaian kipas kain berwarna-warni bersama iringan lagu mengikut corak bunga yang disembahkan oleh penari Tionghua.

Tarian Ballet yang disembahkan oleh para penari Studio Eleve dengan muzik klasik, 'Second Waitz' ciptaan Dmitri Shostakovich dan 'Classical Symphony' turut menghiburkan lagi majlis.

Turut menyertai persembahan tarian ballet itu ialah cucunda Kebawah DYMM, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Persembahan diteruskan dengan tarian kebudayaan Tibet 'Xiao Zhuo Ma' yang memperlihatkan sekumpulan kanak-kanak berpakaian putih tradisional Tibet / Cina menari mengikut iringan muzik yang bersemangat diikuti dengan nyanyian lagu duet bertajuk 'Da Shen Nian' oleh pelajar Sekolah Chung Hua Kuala Belait.

Majlis Sambutan Perayaan tahun ini juga menampilkan persembahan daripada Persatuan Wushu Negara Brunei Darussalam yang menyembahkan pertunjukkan 'Nan Quan', 'taijiquan', 'ba qua', 'ying chun' dan pertunjukan alat mempertahankan diri.

Antara yang menyertai persembahan termasuk para atlet Wushu negara yang telah meraih beberapa pingat pada temasya Sukan SEA Ke-30 di Republik Filipina yang lalu iaitu Mohammad Adi Salihin bin Roslan, Basma Lackar, Majdurano Joel bin Majallah Sain, Muhammad Safiee Shayeran bin Roslam dan Hosea Wong Zheng Yu.

Sementara Tarian Kebudayaan 'Etnik Satu Rumpun' yang dipersembahkan oleh para penari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempamerkan daya hidup etnik berbilang kaum di Negara Brunei Darussalam, menggambarkan suasana harmoni waktu menuai dan memburu serta hubungan silaturahim antara satu sama lain.

Manakala persembahan 'Grand Finale' yang penuh warna-warni merupakan gabungan tarian mencerminkan sejarah perjalanan sutera yang menghubungkan timur dan barat, menggambarkan tarian keharmonian dalam kalangan kaum dan budaya yang berlainan di negara ini yang hidup bersama dalam suasana gembira dan harmoni.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada Masyarakat Tionghua yang hadir.

Masyarakat Tionghua yang menetap di negara ini bukan saja memainkan peranan dalam pembangunan negara dalam pelbagai bidang, malah mereka juga sentiasa berganding bahu dalam memberikan sumbangan dari segi kebajikan kepada masyarakat yang berbilang bangsa.

Sebagai salah satu kaum yang sentiasa komited, agresif dan bertenaga, masyarakat Tionghua di negara ini sentiasa bergerak ke hadapan demi mengejar kemajuan dan mencipta ruang pembangunan yang lebih luas. Pada masa yang sama, masyarakat Tionghua di negara ini juga tidak lupa untuk bergabung tenaga dengan rakan-rakan daripada kaum yang lain untuk sama-sama membangunkan negara ini berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) dengan menjadikan keunikan budaya masyarakat Brunei sebagai elemen penting sama ada dalam proses pembangunan di negara ini atau dalam proses pembangunan globalisasi.

Perayaan Sambutan Tahun Baharu Tionghua 2020 merupakan kali ke-14 dikendalikan di mana tahun ini adalah bersempena Tahun Tikus yang dianggap sebagai permulaan dan pembaharuan dalam kehidupan kerana Masyarakat Tionghua menyifatkan bahawa tikus melambangkan kebijaksanaan dan kecerdasan.



**PERSEMBAHAN diserikan dengan pelbagai rentak lagu, nyanyian dan seni tarian kebudayaan yang menampilkan para penuntut Sekolah Chung Hua Kuala Belait, Persatuan Wushu Brunei, penari dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta dari Studio Eleve (atas, kanan, bawah dan bawah kanan).**







# Brunei - Viet Nam kukuhkan kerjasama dua hala

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Keselamatan Awam, Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Jeneral To Lam. Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 15 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Keselamatan Awam, Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Jeneral To Lam.

Tuan Yang Terutama Jeneral To Lam dan delegasi berada di negara ini bagi mengadakan lawatan kerja selama tiga hari. Lawatan kerja ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan lagi kerjasama dua hala di antara kedua-dua buah negara, antaranya mengadakan mesyuarat dua hala bersama Jawatankuasa Keselamatan Negara (JKN) yang telah diadakan pada 14 Februari 2020.

Hubungan diplomatik Negara Brunei Darussalam dan Republik Sosialis Viet Nam telah mula terjalin sejak 29 Februari 1992 dan kerjasama di antara kedua-dua negara telah ditingkatkan lagi dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman 'Joint Commission for Bilateral Cooperation' (JCBC) pada 14 Jun 2000.

Pada Februari 2017, JCBC kali pertama telah diadakan yang mana kedua-dua negara bersetuju mengukuhkan kerjasama di dalam pelbagai bidang termasuk jenayah rentas sempadan dan anti pengganasan.

Turut hadir pada Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi JKN dan beberapa ahli JKN. Majlis Mengadap tersebut telah berlangsung di Istana Nurul Iman.

# #nbd36 semarakkan Sambutan Hari Kebangsaan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (dua, kiri) hadir pada Majlis Pelancaran Projek Hashtag Gergasi NBD36 diadakan di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 16 Februari. - Projek Hashtag Gergasi NBD36 merupakan salah satu inisiatif Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bersempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-36, Tahun 2020 berdasarkan tiga objektif penting yang antaranya bertujuan bagi sama-sama menyemarakkan lagi suasana kemeriahan Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini.

Sehubungan itu, majlis pelancaran projek tersebut disempurnakan pagi tadi di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di ibu negara.

Pelancaran Projek Hashtag Gergasi tersebut dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-36, Tahun 2020.

Pada tahun ini, KKBS dengan kerjasama kolaborasi bersama Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan menjemput enam buah sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi termasuk pihak swasta yang berminat untuk sama-sama mengambil peluang bersejarah ini berganding bahu menghasilkan karya seni kreatif yang istimewa dan bermakna.

Selain itu, projek tersebut juga dapat memberi tarikan dan kegembiraan kepada orang ramai, dalam masa yang sama, orang ramai dapat mengenal dan menghargai hasil seni dan kreativiti belia tempatan, di samping turut membukakan peluang yang lebih besar yang boleh menjana kepada industri kreatif negara kita.

Antara sekolah yang terlibat dalam menjayakan #nbd36 adalah terdiri dari Sekolah Menengah Sultan Mohamad Jamalul Alam (SM SMJA); Politeknik Brunei; Kolej International Graduates Studies (IGS); Sekolah St. Andrew; Pusat Tingkatan Enam Sengkurong (PTES) dan SM Rimba I.

Pelita Brunei dalam temu bualnya bersama salah seorang peserta projek dari PTES, Awang Mohammad Asri bin Haji Hussin, selaku Pengawas Projek menjelaskan, selaras dengan tema sambutan tahun ini, PTES mengambil peluang untuk mengetengahkan dan menggabungkan pelbagai subjek yang mempamerkan keagamaan, alam semula jadi (flora dan fauna), kemakmuran, warisan dan budaya Brunei ke dalam hasil karya lukisan mereka.

Sementara itu, projek #nbd36 dari SM SMJA adalah bertemakan moden kontemporari dengan genre semi abstrak, dari Kolej IGS pula mempamerkan lukisan bertemakan makanan Brunei, manakala bagi SM Rimba I pula mengetengahkan tema berdasarkan mercu-tanda terkenal di keempat daerah di negara ini, dan Sekolah St. Andrew pula mempamerkan tema Flora dan Fauna Brunei.




'HASHTAG' gergasi NBD36 menyerikan lagi suasana ibu negara.

# Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia DPMM

**Oleh : Mohamad Azmi Awang Damit, Rohani Haji Abdul Hamid, Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin, Pasukan Polis Diraja Brunei**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin, Pasukan Polis Diraja Brunei**



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Yang Ke-46 Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

**Dari muka 1**

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera dan Komandan-komandan; Timbalan Setiausaha Tetap; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap; pegawai-pegawai kanan; pegawai-pegawai dan anggota-anggota ABDB.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat dan bacaan Surah Yaa Siin, bacaan Doa Kesyukuran dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah dipimpin oleh Imam Surau Ad-Difa', Awang Shuib bin Haji Abdullah.

Sementara itu, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) juga mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia di Masjid UBD.

Hadir ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Juga hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap daripada Kementerian Pendidikan, Naib Canselor UBD, Naib Canselor UTB, Timbalan Rektor UNISSA, Pegawai-pegawai Kanan, pensyarah-pensyarah dan kakitangan serta para mahasiswa dan mahasiswi ketiga-tiga universiti berkenaan.

Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat pada majlis tersebut diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Ashraf bin Haji Bujang, yang kemudiannya mengetuai bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khusus.

Manakala Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) juga mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Solat Hajat bertempat di Surau Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaanPesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Turut hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pengiran Dato Seri Pahlawan Haji Mohd. Jefri bin Pengiran Haji Abd. Hamid serta para Pengarah, Timbalan Pengarah, Pegawai Pemerintah Daerah Polis, Ketua-ketua Formasi, pegawai, anggota dan kakitangan PPDB.

Majlis yang dikendalikan oleh Badan Ugama Islam (BUI) PPDB ini dimulakan dengan Solat Maghrib Berjemaah, diikuti dengan Solat Hajat serta Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia yang dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis, APO/Sarjan 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar.

Di samping itu, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (MDPMAMB) mengadakan majlis tersebut di maktab tersebut.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis Doa Kesyukuran tersebut dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Haji Md. Shafiee bin Haji Japar dan diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin serta bacaan Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia DYTM Ke-46 Tahun.

Turut hadir semasa majlis tersebut ialah pegawai-pegawai, kakitangan dan pelajar-pelajar MDPMAMB serta pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia di Masjid Universiti Brunei Darussalam (kiri).





PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei hadir selaku tetamu kehormat Majlis Doa Kesyukuran dan Solat Hajat yang berlangsung di Surau Ibu Pejabat Polis, Gadong (kanan). Sementara gambar kiri, hadir selaku tetamu kehormat Majlis Doa Kesyukuran dan Solat Hajat yang diadakan di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan.

# Berangkat menyaksikan Kejohanan Renang Pecut Brunei Kali Ke-7

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Masri Osman**

**BERAKAS**, Ahad, 16 Februari. - Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berjaya meraih satu pingat emas, satu pingat perak dan dua pingat gangsa pada Kejohanan Renang Pecut Brunei Kali Ke-7 (7th Brunei Sprints Swimming Championship).

Yang Teramat Mulia meraih pingat emas dalam Kategori Kuak Lentang 50m bagi Perenang Perempuan Berumur 6 - 9 Tahun dengan catatan masa 53.26.

Sementara, YTM meraih pingat perak dalam Kategori Kuak Kupu-Kupu 50m bagi Perenang Perempuan Berumur 6 - 9 Tahun dengan catatan masa 52.57 manakala dua pingat gangsa diraih dalam Kategori Gaya Bebas 50m dengan catatan masa 46.54 dan Kategori Kuak Dada 50m dengan catatan 1:00.24.



**YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah semasa berkenan menyertai dalam Kategori Kuak Dada 50m bagi Perenang Perempuan Berumur 6 - 9 Tahun.**

Berangkat menyaksikan kejohanan tersebut, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia ke kejohanan yang berlangsung di Kolam Renang Kebangsaan Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini dijunjung oleh Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Dalam kejohanan tersebut, YTM Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah menyertai kejohanan bagi mewakili Peak Performance Swim Club.

Sementara itu, Emilia Chua dari Peak Performance Swim Club diumumkan sebagai naib juara dalam Kategori Kuak Lentang 50m bagi Perenang Perempuan dengan catatan masa 55.54 diikuti tempat ketiga ialah Mahdiya Towmsend dari Hammerhead Swimming Club dengan catatan masa 55.77.

Dalam Kategori Kuak Kupu-Kupu 50m bagi Perenang Perempuan Berumur 6 - 9 Tahun dijuarai oleh Emilia Chua dari Peak Performance Swim Club dengan catatan masa 51.75 diikuti tempat ketiga ialah Refaalysha Muhd Raziq Steven dari Kelab Rekreasi Petrolium Miri dengan catatan masa 56.30.

Manakala Emilia Chua dari Peak Performance Swim Club menjuarai dalam Kategori Gaya Bebas 50m bagi Perenang Perempuan Berumur 6 - 9 Tahun dengan catatan masa 43.98 diikuti tempat kedua ialah Refaalysha Muhd. Raziq Steven dari Kelab Rekreasi Petrolium Miri dengan catatan masa 45.77

Bagi Kategori Kuak Dada 50m bagi Perenang Perempuan Berumur 6 - 9 Tahun dijuarai oleh Refaalysha Muhd Raziq Steven dari Kelab Rekreasi Petrolium Miri dengan catatan masa 55.40 manakala tempat kedua disandang oleh Mahdiya Townsend dari Hammerhead Swimming Club dengan catatan masa 57.59.

Lebih 230 perenang ikut serta dalam kejohanan itu terdiri dari 13 pasukan renang iaitu Blue Shark Swimming Club, Brunei Speed Swimming Club, Dolphin Swimming Club, Hammerheads Swimming Club, Jerudong Swimming Club, Kbpiranha Swimming Team, Kelab Rekreasi Petrolium Miri, LifeSkillSwim School, P.S.I Swimming Club, Peak Performance Swim Club, Persatuan Akuatik Labuan, Slrt Swimming Club dan Valle Varde Aqualasers Swim Club.




**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan bergambar bersama anakanda-anakanda.**

Kejohanan yang dianjurkan oleh Persatuan Renang Amatur Brunei (BASA) berlangsung selama dua hari itu mempertandingkan kategori-kategori bagi perenang lelaki dan perempuan iaitu Kategori Gaya Bebas; Kategori Kuak Dada; Kategori Kuak Lentang; Kategori IM; Kategori Kuak Kupu-Kupu; Kategori Gaya Bebas Relay dan Kategori Medley Relay.

# NBD - Viet Nam tingkat kerjasama keselamatan





**YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara menerima kunjungan hormat daripada Menteri Keselamatan Awam Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Jeneral To Lam (kiri). Manakala gambar atas, Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua (empat, kanan) semasa Mesyuarat Dua Hala Jawatankuasa Keselamatan Negara Brunei Darussalam bersama Kementerian Keselamatan Awam, Republik Sosialis Viet Nam diadakan di Jabatan Perdana Menteri.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 16 Februari. - Hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Sosialis Viet Nam di dalam bidang keselamatan terus diperkukuhkan lagi dengan mesyuarat dua hala yang telah diadakan pada 14 Februari 2020 di Jabatan Perdana Menteri.

Di dalam perbincangan tersebut, kedua-dua negara telah bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang-bidang keselamatan terutama sekali dalam usaha membanteras jenayah rentas sempadan.

Mesyuarat turut membincangkan kerjasama dua hala di antara agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Keselamatan Awam, Republik Sosialis Viet Nam terutama usaha kerjasama dalam mengekang dan mencegah jenayah, menangani keselamatan siber dan isu pengganasan.

Delegasi Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara (JKN).

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri**

Manakala, Menteri Keselamatan Awam, Tuan Yang Terutama Jeneral To Lam mengetuai delegasi Republik Sosialis Viet Nam.

Delegasi Republik Sosialis Viet Nam turut diwakili oleh Ambassador-Designate Republik Sosialis Viet Nam ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tran Van Khoa; Ketua Pengarah Jabatan Hubungan Luar Negeri, Leftenan Jeneral Truong Van Thong; Ketua Pengarah Jabatan Siasatan Polis ke atas Jenayah Berkaitan Dadah, Leftenan Jeneral Pham Van Cac; Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Leftenan Jeneral Nguyen Manh Dung dan Pengarah Jabatan Keselamatan Awam Bandar Ho Chi Minh, Leftenan Jeneral Le Dong Phong.

JKN turut diwakili oleh Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan yang merupakan ahli JKN.

# ...Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera...

## Daerah Belait



YANG Di-Pertua Adat Istiadat Negara selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 menyempurnakan pengagihan Bendera Kecil Meja kepada salah seorang murid.

**Oleh : Noraisah Haji Muhammed**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Noraisah Haji Muhammed**

**BELAIT,** Sabtu, 15 Februari. - 23 Februari merupakan tarikh bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam iaitu Sambutan Hari Kebangsaan yang merupakan peristiwa utama dan bakal disambut secara besar-besaran di negara ini.

Sehubungan itu, Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera bagi Pelajar-Pelajar Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Sekolah Ugama dan Arab telah berlangsung secara serentak di keempat daerah dengan tumpuan utama di Daerah Belait.

Berangkat selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera yang berlangsung di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Saadatul Bolkiah, Lumut, Kuala Belait ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 bagi Tahun 2020.

Antara pengisian yang dimuatkan dalam majlis tersebut ialah Pengagihan Bendera Kecil Meja kepada 50 Pelajar-Pelajar Sekolah, wakil-wakil sekolah di daerah tersebut yang dijemput dan persatuan-persatuan belia yang dijemput.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual beberapa pelajar yang menerima bendera berkenaan, Dayang Bashirsh binti Md Firdaus, pelajar Darjah Pra dan Dayang Aina binti Azman, pelajar Darjah 1 dari Sekolah Ugama Sungai Liang melahirkan rasa gembira bercampur gementar selepas terpilih untuk menerima Bendera Kecil Meja.

Sementara Azfar Ariffin bin Md Saiful Rizal, pelajar Darjah 6 dari Sekolah Ugama Sungai Tali juga melahirkan rasa gembira dan berasa bertuah kerana terpilih untuk menerima Bendera Kecil Meja dan menyertai program berkenaan.

Di samping pengagihan bendera kecil, acara juga diselajurkan dengan tayangan video animasi, tatacara pengibaran bendera yang sempurna dan semangat pengibaran bendera yang diselenggarakan oleh Jabatan Penerangan sebagai usaha bagi menyemai kecintaan dan rasa patriotisme dalam jati diri belia dari akar umbi.



WAJAH ceria para penerima selepas menerima Bendera Kecil Meja dan terpilih untuk menyertai program tersebut.

## Daerah Temburong

**Berita dan Foto :**
**Muhammad Akmal Haji Ali**



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Pertahanan (dua, kiri) menyempurnakan pengagihan Bendera Kecil Meja kepada para penerima.

**TEMBURONG,** Sabtu, 15 Februari. - Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera bagi pelajar-pelajar Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Sekolah Ugama / Arab telah berlangsung secara serentak di keempat-empat daerah.

Sehubungan itu, di Daerah Temburong, majlis berkenaan berlangsung di Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Sekolah Arab Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah.

Acara dimulakan dengan Menaikkan Bendera Brunei Darussalam dan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' beramai-beramai di kawasan lapang Sekolah Arab Daerah Temburong.

Sejurus selepas itu, majlis diteruskan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan doa yang diketuai oleh Guru Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Awang Haji Muhame bin Haji Suhaili. Majlis diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Guru Besar Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Hajah Mariah binti Haji Md. Daud selaku Pengerusi Majlis.

Dalam memeriahkan lagi majlis, para pelajar berpeluang untuk menyaksikan tayangan video yang bertajuk 'Progam Semarak Pengibaran Bendera' dari Jabatan Penerangan dan persembahan lakonan serta koir yang bertajuk 'Syahadah Laksamana' oleh gabungan pelajar-pelajar Sekolah Arab Daerah Temburong dan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Sebanyak 350 bendera telah diagihkan kepada pelajar-pelajar semasa majlis tersebut. Sebelum majlis berakhir, tetamu kehormat berpeluang untuk berkunjung ke bilik-bilik pameran yang telah disediakan.





PERSEMBAHAN daripada gabungan pelajar-pelajar Sekolah Arab Daerah Temburong dan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah yang bertajuk 'Syahadah Laksamana' menyerikan majlis tersebut (kiri). Sementara gambar atas, antara yang hadir pada majlis tersebut.

# ...Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera...

## Daerah Brunei dan Muara



SETIAUSAHA Tetap (Bandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyampaikan bendera kecil kepada salah seorang wakil sekolah.

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Hamzah Mohidin**



**PERSEMBAHAN** tarian daripada murid-murid Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar, Sungai Kebun (atas). Sementara gambar bawah, para murid sekolah mengibarkan bendera kecil sebagai tanda semangat patriotik mereka kepada Negara Brunei Darussalam.



**SUNGAI KEBUN,** Sabtu, 15 Februari. - Pelajar, rakyat dan penduduk perlu memandang tinggi dan menghormati bendera negara sebagai lambang rasmi negara dan memelihara dengan sebaiknya tanpa mencemarkan dan merosakkannya.

Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab rakyat dan penduduk di negara ini untuk mengetahui cara dan peraturan yang betul ketika menaikkan dan memasang bendera negara.

Guru Besar Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri (SR PAP) Besar, Sungai Kebun, Dayang Salinawati binti Md. Zainal menekankan demikian pada Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan, di sini.

Jelasnya, sikap patriotisme itu amat penting kerana ia bukan sahaja untuk mempertahankan dan membela negara daripada segala cabaran yang boleh menggugat kedaulatan negara malah patriotisme juga mampu membantu dan mendukung generasi muda terus berusaha dengan gigih untuk membangun dan memajukan negara.

Oleh itu, setiap rakyat dan penduduk diseru untuk sama-sama berganding bahu mengatur langkah dalam pembangunan negara untuk menjayakan Wawasan Negara 2035 ke arah kehidupan yang berkualiti dalam semua aspek.

Di Daerah Brunei dan Muara, sebanyak 500 bendera kecil negara diagih-agihkan kepada pelajar-pelajar SR PAP Besar Sungai Kebun dan seterusnya kepada 35 wakil sekolah-sekolah yang dijemput.

Pengagihan bendera disampaikan oleh Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Salminan bin Haji Burut.

Bendera Negara Brunei Darussalam melambangkan identiti kedaulatan negara ini sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat yang memiliki kebudayaan dan adat istiadatnya yang tersendiri.

Pengagihan bendera kecil ini secara tidak langsung bertujuan untuk menanamkan sifat dan nilai patriotisme kepada Negara Brunei Darussalam.

## Daerah Tutong





SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama bergambar ramai bersama para penerima pada Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 berlangsung di Sekolah Chung Hwa Kiudang (atas). Sementara gambar kiri, ketika menyerahkan bendera-bendera kecil kepada murid-murid sekolah berkenaan.

**Berita dan Foto : Dk Vivy Malessa Pg Ibrahim**

**TUTONG,** Sabtu, 15 Februari. - Dalam usaha menyemai kecintaan dan semangat patriotisme dalam jati belia dari akar umbi, Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera bagi pelajar-pelajar Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Sekolah Arab / Ugama telah berlangsung secara serentak di keempat-empat daerah.

Di Daerah Tutong, Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja yang diadakan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 berlangsung di Sekolah Chung Hwa Kiudang, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof. Pada majlis berkenaan, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menyerahkan 200 bendera kecil meja kepada wakil dan murid-murid sekolah berkenaan.

Program tersebut antara lain bertujuan untuk memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-36, Tahun 2020 sekali gus memupuk rasa bangga kerana bernaung di bumi yang merdeka, aman dan damai di bawah taufik serta hidayah Allah dan menjadi sebuah negara Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur.

## ...Upacara Menaikkan Bendera Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020...



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (kiri) menyerahkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam kepada anggota Tentera Laut Diraja Brunei.

# Bendera Besar NBD berkibar megah

Dari muka 1

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Begawan Mudim Haji Matassim bin Haji Metusin.

Seterusnya, anggota-anggota Tentera Laut Diraja Brunei berarak masuk bagi penyerahan dan penerimaan Bendera Besar NBD daripada tetamu kehormat majlis.

Penyempurnaan Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara diiringi dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' daripada kumpulan koir Sekolah Menengah Berakas yang terdiri daripada 36 penuntut lelaki dan 36 penuntut perempuan, serta pasukan Pancaragam Polis Diraja Brunei.

Ia juga disemarakkan lagi dengan persembahan dua buah lagu-lagu patriotik bersama kibaran bendera kecil.

Majlis diakhiri dengan penyampaian bendera-bendera negara dan poster-poster sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 kepada Pegawai-pegawai Daerah.





UPACARA Menaikkan Bendera Besar Negara dilakukan oleh anggota Tentera Laut Diraja Brunei (kiri). Sementara gambar atas, para penuntut mengibarkan bendera negara.

## Daerah Brunei dan Muara



UPACARA menaikkan bendera negara di kawasan letak kereta dan Dewan Teater, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 16 Februari. - Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 menandakan bermulanya pengibaran bendera di seluruh negara.

Sehubungan itu, Majlis Menaikkan Bendera dan Pengagihan Bendera Negara Brunei Darussalam bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) juga diadakan di kawasan letak kereta dan Dewan Teater, Jabatan DBM.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut dan seterusnya menyerahkan bendera kepada Pasukan Polis Diraja Brunei ialah Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Majlis menaikkan bendera yang diiringi dengan lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Kumpulan Koir Astaka Darussalam dan Pasukan Pancaragam Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) tersebut berlangsung dengan penuh gemilang dan semangat patriotisme.

Sejurus selepas itu, pengagihan bendera kepada penghulu-penghulu, persatuan-persatuan, pihak-pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan telah disampaikan oleh tetamu khas majlis.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu-penghulu Mukim, Pemangku-pemangku Ketua Kampung, wakil Pegawai Pemerintah Daerah Polis Diraja Brunei, Pasukan Kadet Tentera ABDB, Persatuan-persatuan, Ketua Pegawai Operasi DST, Pegawai Eksekutif Progressif Cellular, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Dewan Perniagaan India serta pegawai dan kakitangan Jabatan DBM.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara (tengah) menyerahkan bendera kepada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

# ...Upacara Menaikkan Bendera Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020...

## Daerah Belait

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**KUALA BELAIT**, Ahad, 16 Februari. - Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) berkibar megah di pekarangan Taman Persiaran Menara Cendera Kenangan, Jalan Sungai, sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-36, Tahun 2020 bagi daerah tersebut.



Atur cara didahulukan dengan perbarisan masuk pasukan pemegang bendera terdiri daripada Pasukan Kadet Tentera dan Kadet Polis.

Sejurus rombongan pembawa bendera tiba dari ibu negara, Pegawai Daerah Belait, Awang Ramlee bin Haji Jamuddin menyerahkan bendera tersebut kepada Pasukan Polis Diraja Brunei untuk dinaik-kibarkan dengan iringan Lagu Kebangsaan oleh pasukan koir Sekolah Menengah Perdana Wazir.

Majlis diteruskan dengan penyerahan Bendera Negara kepada penghulu-penghulu mukim dan kepada ketua peserta Program Belia Cinta Tanah Air yang disempurnakan oleh Pegawai Daerah.



PEGAWAI Daerah Belait menyerahkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam kepada Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) untuk dinaik-kibarkan di pekarangan Taman Persiaran Menara Cendera Kenangan, Jalan Sungai (atas). Sementara gambar kiri, PPDB menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam di pekarangan Taman Persiaran Menara Cendera Kenangan.

## Daerah Tutong

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Ahad, 16 Februari. - Upacara Menaikkan Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 bagi Daerah Tutong berlangsung di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, hari ini.



PEGAWAI Daerah Tutong menyampaikan bendera negara kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Pemangku Penghulu Mukim Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dibacakan oleh Imam Masjid Kampung Penapar, Awang Mohd. Abdul Wafiy bin Haji Abdul Kadiroshman.

Semasa upacara tersebut, rombongan pembawa bendera diketuai oleh Penolong Pegawai Daerah Tutong yang diiringi oleh Pasukan Kadet Tentera Mah'ad Islam Brunei, Pasukan Kadet Tentera Sekolah Menengah Muda Hashim, Persatuan Daerah Tutong, Pasukan Sukarelawan Daerah Tutong (SUKA) dan peserta Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA).

Bendera kebangsaan diserahkan kepada Pegawai Daerah Tutong daripada ketua rombongan berkenaan dan seterusnya diserahkan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei untuk Upacara Menaikkan Bendera.

Majlis juga turut diserikan dengan lagu 'Bendera Negara' oleh Kumpulan Koir Wira Bangsa dan Sekolah Menengah Sufri Bolkiah.

Majlis diakhiri dengan majlis penyampaian bendera negara oleh tetamu kehormat kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Pemangku Penghulu Mukim Daerah Tutong dan seterusnya menyerahkan bendera negara kepada wakil peserta PBCTA.



MAJLIS turut diserikan dengan lagu 'Bendera Negara' oleh Kumpulan Koir Wira Bangsa dan Sekolah Menengah Sufri Bolkiah.

## Daerah Temburong

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

**TEMBURONG**, Ahad, 16 Februari. - Upacara Menaikkan Bendera Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 bagi Daerah Temburong berlangsung pagi tadi bertempat di Kawasan Lapang Pentas Perayaan, Pekan Bangar.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Ghani bin Haji Othman.

Majlis dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan pasukan membawa bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diketuai oleh Penolong Pegawai Daerah Temburong selaku Pengerusi Bersama Majlis, Awang Mohamad Khairul Shahrul bin Haji Duahim, yang kemudiannya diserahkan kepada Pemangku Pegawai Daerah Temburong selaku tetamu kehormat dan kemudiannya diserahkan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei bagi Upacara Menaikkan Bendera NBD.



PPDB menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam di Kawasan Lapang Pentas Perayaan, Pekan Bangar.

Upacara menaikkan bendera diikuti dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan kemudiannya lagu 'Bendera Negara' dan Lagu 'Brunei Bumi Bertuah' daripada pasukan koir Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar.

Acara diteruskan dengan penyerahan Bendera NBD kepada Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Cawangan Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Temburong dan 'Program Belia Cinta Tanah Air'.

Turut hadir pada majlis tersebut, Pemerintah Daerah Polis Temburong, Pengiran Muhaimin bin Pengiran Haji Mustapha; Penolong Pegawai Daerah, selaku Pengerusi Bersama Majlis, Awang Mohamad Khairul Shahrul bin Haji Duahim; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu; Ketua-ketua Cawangan Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Temburong, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung, Persatuan Beruniform dan NGO's, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan pihak swasta.



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong menyerahkan bendera negara kepada Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bagi Upacara menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam.

Bermula pada hari ini, seluruh negara di keempat-empat daerah mula mengibarkan bendera kebangsaan yang mana menandakan bermulanya sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-36, 2020.

Bagi Pengiran-pengiran dan Orang Yang Bergelar mengibarkan bendera peribadi mereka di rumah kediaman masing-masing, manakala bagi orang ramai, bangunan-bangunan kerajaan dan premis-premis perniagaan pula mengibarkan bendera NBD di tempat masing-masing bermula pada hari ini 16 Februari 2020 sehingga 25 Februari 2020.

# PKBN teruskan kegiatan kerohanian





YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada Majlis Solat Subuh bagi Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Juga hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

PARA Pelatih PKBN Pengambilan Ke-9 serta warga Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN), KKBS hadir bagi sama-sama menunaikan Solat Subuh di Masjid Ash-Shaliheen.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie bin Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 15 Februari. - Dalam usaha mendedahkan kepada para pelatih untuk sentiasa cenderung kepada aspek-aspek keugamaan secara holistik dan sosial, Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) telah mengadakan Majlis Solat Subuh.

Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohammad Bolkiah, Kampung Serusop.

Turut hadir bersama di majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, selaku Penghulu Mukim Berakas B dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Majlis Solat Subuh berjemaah bersama Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ini adalah salah satu tradisi yang diadakan pada setiap pengambilan PKBN dengan menunaikan solat Subuh secara berjemaah di masjid-masjid dan balai-balai ibadat serta julung-julung kalinya diadakan di Masjid Ash-Shaliheen, Bandar Seri Begawan.

Sejurus selesai menunaikan Solat Subuh berjemaah, Yang Berhormat Menteri beredar ke Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas bagi menyaksikan Upacara Menaikkan Bendera dan Menyanyikan Lagu Kebangsaan, Pembacaan Ikrar, Sorak PKBN, nyanyian lagu 'Sedia Berbakti' dan diberkati dengan Bacaan Doa.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri menyaksikan sesi latihan jasmani yang dibuat oleh para pelatih PKBN Pengambilan Ke-9 dan bagi mengakhiri lawatan berkenaan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersarapan pagi bersama semua para pelatih PKBN.

Para Pelatih PKBN Pengambilan Ke-9 serta warga Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN), KKBS amat berbesar hati di atas kehadiran Yang Berhormat Menteri serta rombongan bagi memberikan semangat jitu kepada para pelatih dalam mengharungi kehidupan dengan tabah dalam membina jati diri demi agama, bangsa dan negara serta memartabatkan imej negara menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir sesuai dengan konsep Melayu Islam Beraja.

# Satu Kesulitan Tiada Mengalahkan Dua Kemudahan



HADIR bersama para jemaah mengimarahkan masjid ialah Yang Berhormat Menteri Kesihatan; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II; dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

**Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 16 Februari. - Kesulitan / kesusahan yang kita hadapi itu terbatas dan lazimnya tidak akan jauh dari ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, kehilangan jiwa dan hasil pendapatan sepertimana yang terkandung dalam tafsiran ayat 155, Surah Al-Baqarah.

Kemudahan pula dalam bentuk terbuka dan tidak terbatas. Dalam makna lain, dengan setiap kesulitan yang kita hadapi, akan banyaknya limpahan nikmat serta kemudahan-kemudahan yang datang bersamanya.

Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II di Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yusof bin Haji Abdul Majid seterusnya menjelaskan, berdasarkan tafsir Surah Al-Insyirah, ayat 5 - 6, dapat difahami bahawa penekanan ayat tersebut adalah kemudahan yang amat luas dan tanpa batas. Sedangkan Kesulitan mengandung makna yang terbatas dan dimaklumi.

Tazkirah bertajuk 'Satu Kesulitan Tidak Mungkin Mengalahkan Dua Kemudahan' juga antara lain menekankan dengan mendahulukan penekanan kepada kalimah kemudahan, Allah mengajar hamba-Nya untuk memberi tumpuan kepada hikmah di sebalik kesusahan yang dihadapi dan segala kurniaan yang masih dapat dinikmati dan ia menjadikan seorang yang beriman tidak mudah putus asa dan tetap kukuh dengan keyakinan akan adanya jalan keluar.

Selain itu, Tazkirah Subuh bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara itu juga menerangkan Surah Al-Insyirah ditutup dengan memberi arahan agar kita sentiasa menyibukkan diri dengan bekerja keras melakukan perkara yang bermanfaat agar kemudahan itu dapat diraih serta sentiasa memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala sehingga seorang mukmin itu bukan hanya memiliki jiwa yang cekal dengan keyakinan kemudahan dari Allah tetapi juga sentiasa proaktif dan produktif dalam kehidupannya.

Hadir sama mengimarahkan masjid dengan mendahului Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di sini ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin serta Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan.

Program Masjidku Makmur, Negara Berkat kali ini dikelolakan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan disokong oleh JPM.




# سمبهيغ برجماعة لمبغ ڤرڤادوان أومة إسلام

جماعه يغ درحمتي الله،

ماريله كيت منيغكتكن كتقوأن كيت كڤد الله سبحانه وتعالى دغن ڤنوه كيقينن دان كإخلاصن دغن ملاكوكن سكل سوروهن دان منيغكلكن سكل لاراغنن. مدهمداهن كيت منجادي إنسان يغ برإيمان دان برتقوى سرت سلامة ددنيا دان سلامة دآخرة.

جماعه يغ درحمتي الله،

أكام إسلام اداله أكام ڤرڤادوان. يايت ڤرڤاتوان هوبوغن دالم مشاركة ماهو ڤون كومقولن. ملالوي ڤرڤادوان، بايق ڤركارا بوله دجاڤي كران اي مڠوجودكن كهرمونين أنتارا مشاركة.

كونسيڤ ڤرڤادوان اين ساڠة دڤندڠ تيڠڬي أوله أكام إسلام، ماله اي مروڤاكن كواجيڤن كأتس كيت سرت ڤركارا يغ ساڠة٢ دأنجوركن دالم كهيدوڤن سهارين كيت سڤرتمان فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة آل عمران أية ١٠٣:

أَعُوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟ ۚ وَٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنتُمْ أَعْدَآءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُم بِنِعْمَتِهِۦٓ إِخْوَٰنًا وَكُنتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ ٱلنَّارِ فَأَنقَذَكُم مِّنْهَا ۗ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمْ ءَايَٰتِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾ صَدَقَ ٱللَّهُ ٱلْعَظِيمِ

تفسيرڽ:

**دان برڤڬڠ تڬوهله كامو دغن تالي ( أكام ) الله، دان جاڠنله كامو برچراي براي دان إيڠتله نعمة الله كڤد كامو كتيك كامو برموسه٢هن (سماس جاهليه دهولو)، لالو الله مڽاتوكن أنتارا هاتي كامو (دغن نعمة أكام إسلام)، مك منجاديله كامو دغن نعمتڽ ايت ( اورڠ٢ إسلام يغ) برسودارا. دان دهولوڽ كامو براد دتڤي جورڠ نراك لالو الله مپلامتكن كامو درڤداڽ (دغن سبب نعمة إسلام) . دمكينله الله منجلسكن كڤد كامو أية٢ كتراڠنڽ سڤاي كامو منداڤة هداية.**

جماعة يغ درحمتي الله،

سسڠڬوهڽ، حك كيت إيڠين مڠحاصيلكن أومة إسلام يغ برساتو، مك كيت ڤرلو مڠأوتامكن أساس ڤرڤادوان، اد ڤون ساله ساتو أساس ڤرڤادوان دان تونجڠ انتوق منڠكڤكن ڤرڤادوان أومة إسلام ايت إياله دغن ملازيمكن سمبهيغ برجماعة دمسجد٢.

درواية‌تكن درڤد أنس بن مالك، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا:

**إِنَّمَا جُعِلَ الإِمَامُ لِيُؤْتَمَّ بِهِ فَإِذَا كَبَّرَ فَكَبِّرُوا وَإِذَا سَجَدَ فَاسْجُدُوا وَإِذَا رَفَعَ فَارْفَعُوا وَإِذَا قَالَ سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ. فَقُولُوا رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ. وَإِذَا صَلَّى قَاعِدًا فَصَلُّوا قُعُودًا أَجْمَعُونَ.**

**{ رواه إمام البخارى ومسلم }**

مقصودڽ:

**سسڠڬوهڽ سسئورڠ إمام ايت دجاديكن سڤاي دإيكوتي. اوله ايت، اڤبيل دي برتكبير، مك برتكبيرله كامو. اڤبيل دي سجود، مك برسجودله كامو. جوك اڤبيل دي باڠون، مك باڠونله كامو. أخيرڽ اڤبيل دي سمبهيغ دالم كاداأن دودوق، سمبهيڠله دالم كاداأن دودوق.**

حديث اين مڽاتكن بهوا دالم سمبهيغ برجماعة، ترداڤة ڤرڤادوان هاتي دالم عبادة أنتارا إمام دان مأموم. دمان، سمبهيغ برجماعة ممڤو مڠيرتكن صلة الرحم دان ڤرسوداراأن سسام مسلم. سچارا تيدق لڠسوڠ، كيت جوك سام٢ برکندیڠ باهو انتوق مڠأڠكة درجة، كمليأن، كبنران سرت كسوچين أكام كيت تنڤا مڠيرا ورنا، ڤوم سرت كدودوقن ڤڠكة.

أهل جماعه يغ درحمتي الله،

كتهويله، سسڠڬوهڽ كنچارن باڬي اورڠ٢ يغ منونيكن سمبهيغ برجماعة ايت اداله لبه بسر دان أوتام دري اورڠ٢ يغ منونيكن سمبهيغ سچارا برسنديرين. درڤد إبن عمر رضى الله عنهما، بهوا رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا:

**صَلاَةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلاَةِ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً**

**{ رواه إمام البخارى ومسلم }**

مقصودڽ:

**سمبهيغ برجماعة ايت لبه أوتام ( بايك ) درڤد سمبهيغ برسنديرين دغن دوا ڤولوه توجوه درجة.**

جلسله كڤد كيت بهوا، سمبهيغ برجماعة ايت ساڠة دسوكاٸي الله سبحانه وتعالى، دان كران ايت الله سبحانه وتعالى ممبريكن ڤلباڬي كلبيهن دان فضيلة يغ بسر كڤد همبا٢ڽ يغ مڠرجاكن سمبهيغ برجماعة، ترأوتامڽ دمسجد-مسجد. أنتاراڽ، كيت داڤة مموهن دعاء برامي-رامي سچارا برجماعة. سماكين رامي اورڠ بردعاء دان مڠأمينكن، مك سماكين يقين دعاء كيت اكن دمقبولكن.

درڤد حَبيب بن مَسْلَمَة الفِهْرِي، درڤد إمام الطبرانى، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا:

**لاَ يَجْتَمِعُ قَوْمٌ مُسْلِمُونَ فَيَدْعُوْ بَعْضَهُمْ، وَيُؤْمِنُ بَعْضَهُمْ إِلَّا اسْتِجَابَ اللَّهُ تَعَالَى دُعَاءَهُمْ**

مقصودڽ:

**تيدقله برهيمڤون ساتو جماعة ( دالم ڤرهيمڤونن ) لالو بردعاء ساله سئورڠ دكالڠن مريك ايت دان يغ لاين مڠأمينكن دعاءڽ، ملاينكن الله ڤركننكن دعاء مريك.**

جماعه يغ درحمتي الله،

كيت أمة برأونتوڠ، كران نڬارا كيت بروني دارالسلام سنتياس مڠمبيل برت حال إحوال ڤندودوقن دان ممبوات برباڬي إينيسياتيڤ انتوق مڠهيندري دان منجڬه ڤركارا يغ تيدق دإيڠيني. كتيك اين، دنيا سدڠ دلندا دغن وابق يغ سماكين منولر اين، الحمدلله، سمبهيغ سنة حاجة برجماعة دمسجد٢ سرت بالي٢ عبادة دسلوروه نڬارا تله كياة دأداكن ترأوتام سكالي سلڤس سمبهيغ فرض مغرب دان سبلوم منونيكن سمبهيغ فرض جمعة. أوله ايت، سباڬي أومة إسلام ماريله كيت سام٢ منونيكن سمبهيغ سنة حاجة دان بردعاء اڬر نڬارا كيت دڤليهارا دان دجاوهكن دري وابق اين.

كتهويله، دعاء اداله جالينن إيكاتن دأنتارا الله سبحانه وتعالى دان مأنسي. تيدق اد حدڽ كيت بردعاء كڤد الله سبحانه وتعالى، ماله دعاءله يغ اكن ممباوا ڤائده كڤد ستيڤ اورڠ. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة البقرة أية ١٨٦:

أَعُوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِى عَنِّى فَإِنِّى قَرِيبٌ ۖ أُجِيبُ دَعْوَةَ ٱلدَّاعِ إِذَا دَعَانِ ۖ فَلْيَسْتَجِيبُوا۟ لِى وَلْيُؤْمِنُوا۟ بِى لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ﴿١٨٦﴾

صَدَقَ ٱللَّهُ ٱلْعَظِيمِ

تفسيرڽ:

**دان اڤبيل همبا٢كو برتاڽ كڤد مو ( واهي نبي محمد ) مڠناٸي اكو مك (كاتكن كڤد مريك ): سسڠڬوهڽ اكو سنتياس همڤير (كڤد مريك ). اكو ممڤركننكن ڤرموهنن أورڠ٢ يغ بردعاء اڤبيل دي بردعاء كڤدكو. مك هندقله مريك ايت مماهوت سروانكو ( دغن مماتوهي ڤرينتهكو ) دان هندقله مريك برإيمان كڤد كو سڤاي مريك سنتياس براد دالم كبنران.**

أوله ايت، ماريله كيت سام٢ حاضر كمسجد٢ بوكن سهاج انتوق سمبهيغ برجماعة، تتاڤي جوك مڠيكوتي سمبهيغ سنة حاجة برجماعة، دان بردعاء برسام٢ إمام سلڤس سمبهيغ فرض، ترماسوقله سمبهيغ فرض جمعة، مموهن دعاء برامي-رامي سچارا برجماعة باڬي مموهن ڤرليندوڠن درڤد الله سبحانه وتعالى، سڤاي نڬارا كيت ترهيندر دري سكل بلاء بنچان ترماسوقله درڤد ڤڽاكيت برجڠكيت. اد ڤون، أنتارا أداب يغ دسارنكن سلڤس سمبهيغ برجماعه إياله انتوق مڠأمينكن دان منوڠڬو سهيڠڬ دعاء سلسي دباچكن اوله إمام، دان بوكنڽ تربورو٢ منيڠڬلكن مسجد.

أخيرڽ، سموك دغن أوسها يغ كيت لاكوكن اين اكن دريضاٸي اوله الله سبحانه وتعالى، دمقبولكن ستيڤ ڤرموهونن كيت، دان كيت دجاوهكن درڤد وابق اين. آمين يا رب العالمين.

أَعُوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ

سَابِقُوٓا۟ إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا كَعَرْضِ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ أُعِدَّتْ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرُسُلِهِۦ ۚ ذَٰلِكَ فَضْلُ ٱللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَآءُ ۚ وَٱللَّهُ ذُو ٱلْفَضْلِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٢١﴾ صَدَقَ ٱللَّهُ ٱلْعَظِيمِ

{ سورة الحديد أية: ٢١ }

تفسيرڽ:

**برلومبا٢له كامو منداڤتكن كأمڤونن درڤد توهن كامو دان (منداڤتكن) شرڬ يغ لواسڽ سلواس لاڠيت دان بومي يغ دسدياكن باڬي اورڠ٢ يغ برإيمان كڤد الله دان رسول٢ڽ. ايتله ليمڤه كرنيا الله يغ دأنڬرهكنڽ كڤد سسياڤ يغ دكهندقين. دان الله ممڤوڽاٸي ليمڤه كرنيا يغ بسر.**

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيمِ، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّائِبِينَ.

PSC RECRUITMENT

# IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

**PERATURAN 38(A)**
**BILANGAN IKLAN 13/2020 (SPA/BIKL)**
Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN : 17 FEBRUARI 2020**
**TARIKH TUTUP : 02 MAC 2020**

1. **PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA KANAN**
   **B.3 (BAHAGIAN II)**
   JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
   KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
   **KEKOSONGAN = DUA (02)**
   **2020/005/05**

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan FAQ's di
**www.recruitment.gov.bn**

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel query@spa.gov.bn

---

KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JAWATAN KOSONG DI SEKRETARIAT KOMANWEL LONDON

JAWATAN

**Information Security Officer Strategy, Portfolio, Partnerships and Digital Directorate**

**Tarikh Tutup : 18 Februari 2020**

Untuk makluman, pemohon-pemohon yang berminat hendaklah memohon terus melalui laman sesawang :
*http://thecommonwealth.org/jobs*

---

MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN

SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 571 / 2019

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NURUL JANNAH BINTI ALIAS** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **KASOM BINTI MURAH** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **CUCU PEREMPUAN** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **18 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

**(MAHMUD ZUHDI BIN KARIM)**
Pemangku Penolong Pegawai Waris
Negara Brunei Darussalam.

---

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI

TAWARAN
BIL TAWARAN : JPA/1.4/SH2020/001
TAWARAN : FOOD AND BEVERAGES KIOSK AT PUBLIC SERVICE DEPARTMENT SIMPANG 156, JALAN KUMBANG PASANG FOR A PERIOD ON ONE (1) YEAR
YURAN TAWARAN : BND 10.00

BIL TAWARAN : JPA/1.4/SH2020/002
TAWARAN : KONTRAK PEMELIHARAAN DUA (2) TAHUN BAGI KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DAN PEMELIHARAAN BANGUNAN DI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (BANGUNAN LETAK KERETA, JALANRAYA DAN KAWASAN) DI SIMPANG 156, BLOK 2D, JALAN KUMBANG PASANG
YURAN TAWARAN :
BND 10.00

TARIKH TUTUP :
Sabtu, 29 Februari 2020,
sebelum jam 2.00 petang.

---

KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 46 / 2019

TWO YEARS TERM CONTRACT FOR THE OPERATIONAL MAINTENANCE OF ASKAR SIMPANAN MELAYU DIRAJA BRUNEI, RIMBA GADONG CAMP

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

DOKUMEN MINDEF SOR 2019 EDITION
BND500.00 satu set (tidak dikembalikan)

KELAS : III & KEATAS

KATEGORI : (M01, E01 & E02) OR (KA01, B01, S03 or KPB12, KPB05 & S01)
plesae refer to clause 18.0 on pg IT/6 of the tender document regarding subcontracting

TEMPOH PENYIAPAN :
DUA (2) TAHUN

TARIKH TUTUP :
Selasa, 3 Mac 2020,
tidak lewat jam 2.00 Petang

**JABATAN PENTADBIRAN
DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**SEBUT HARGA RANCANGAN
PEMAKANAN SEKOLAH-SEKOLAH
BAHAGIAN PROGRAM HARAPAN**

BILANGAN TAWARAN :
**MOE / LTK / 91 / 2019 / 2020
(DA[BPPA-FEB-2020]**

KETERANGAN :
**TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JAMUAN HARIAN SARAPAN PAGI SECARA TAPAU BAGI PROGRAM HARAPAN SEKOLAH MENENGAH PEHIN DATO SERI MAHARAJA MENTIRI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI DAN MUARA [KOD BLOK : PH/S4].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SETIAP SEBUT HARGA :
**BND30.00** [Bayaran dokumen tawaran tidak dikembalikan]

BILANGAN TAWARAN :
**MOE / LTK / 92 / 2019 / 2020
(DA[BPPA-FEB-2020]**

KETERANGAN :
**TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JAMUAN HARIAN MAKAN TENGAH HARI SECARA TAPAU BAGI PROGRAM HARAPAN :
1. SEKOLAH RENDAH BEBULOH
2. SEKOLAH RENDAH BATANG MITUS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM [KOD BLOK : PH/T4].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SETIAP SEBUT HARGA :
**BND10.00** [Bayaran dokumen tawaran tidak dikembalikan]

BILANGAN TAWARAN :
**MOE / LTK / 93 / 2019 / 2020
(DA[BPPA-FEB-2020]**

KETERANGAN :
**TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JAMUAN HARIAN MAKAN TENGAH HARI SECARA TAPAU BAGI PROGRAM HARAPAN SEKOLAH RENDAH PERPINDAHAN BUKIT BERUANG II, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH TUTONG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM [KOD BLOK : PH/T7].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SETIAP SEBUT HARGA :
**BND30.00** [Bayaran dokumen tawaran tidak dikembalikan]

BILANGAN TAWARAN :
**MOE / LTK / 94 / 2019 / 2020
(DA[BPPA-FEB-2020]**

KETERANGAN :
**TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KEPERLUAN-KEPERLUAN PEMAKANAN (MAKAN TENGAH HARI) BAGI PROGRAM HARAPAN :
1. SEKOLAH RENDAH SUNGAI TERABAN
2. SEKOLAH RENDAH ORANG KAYA PEMANCHA BERANDAI, BUKIT SAWAT
3. SEKOLAH RENDAH LABI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM [KOD BLOK : PH/T8].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SETIAP SEBUT HARGA :
**BND10.00** [Bayaran dokumen tawaran tidak dikembalikan]

BILANGAN TAWARAN :
**MOE / LTK / 95 / 2019 / 2020
(DA[BPPA-FEB-2020]**

KETERANGAN :
**TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI PROGRAM HARAPAN :
1. SEKOLAH RENDAH PENGIRAN ANAK PUTERI BESAR, SUNGAI KEBUN
2. SEKOLAH RENDAH SUNGAI SIAMAS
3. SEKOLAH RENDAH BENDAHARA LAMA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI DAN MUARA [KOD BLOK : PH/ST1].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SETIAP SEBUT HARGA :
**BND10.00** [Bayaran dokumen tawaran tidak dikembalikan]

BILANGAN TAWARAN :
**MOE / LTK / 96 / 2019 / 2020
(DA[BPPA-FEB-2020]**

KETERANGAN :
**TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI PROGRAM HARAPAN :
1. SEKOLAH RENDAH SABA DARAT B
2. SEKOLAH RENDAH HAJI TARIF
3. SEKOLAH RENDAH PEHIN DATO JAMIL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI DAN MUARA [KOD BLOK : PH/ST2].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SETIAP SEBUT HARGA :
**BND10.00** [Bayaran dokumen tawaran tidak dikembalikan]

BILANGAN TAWARAN :
**MOE / LTK / 97 / 2019 / 2020
(DA[BPPA-FEB-2020]**

KETERANGAN :
**TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI PROGRAM HARAPAN :
1. SEKOLAH RENDAH PINTU MALIM
2. SEKOLAH RENDAH SULTAN ABDUL BUBIN, SUNGAI BESAR
3. SEKOLAH RENDAH BATU MARANG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI DAN MUARA [KOD BLOK : PH/ST3].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SETIAP SEBUT HARGA :
**BND10.00** [Bayaran dokumen tawaran tidak dikembalikan]

BILANGAN TAWARAN :
**MOE / LTK / 98 / 2019 / 2020
(DA[BPPA-FEB-2020]**
KETERANGAN :
**TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI PROGRAM HARAPAN : SEKOLAH RENDAH DATO HJ. MOHD. YASSIN, KAMPUNG PERPINDAHAN MENTIRI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI DAN MUARA [KOD BLOK : PH/ST5].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SETIAP SEBUT HARGA :
**BND10.00** [Bayaran dokumen tawaran

BILANGAN TAWARAN :
**MOE / LTK / 99 / 2019 / 2020
(DA[BPPA-FEB-2020]**

KETERANGAN :
**TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI PROGRAM HARAPAN :
1. SEKOLAH RENDAH MUHAMMAD ALAM
2. SEKOLAH RENDAH PENGIRAN SETIA NEGARA PENGIRAN HJ. MOHD YUSOF KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI BELAIT [BLOK : PH/ST7].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SETIAP SEBUT HARGA :
**BND10.00** [Bayaran dokumen tawaran tidak dikembalikan]

BILANGAN TAWARAN :
**MOE / LTK / 100 / 2019 / 2020
(DA[BPPA-FEB-2020]**

KETERANGAN :
**TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI PROGRAM HARAPAN :
1. SEKOLAH RENDAH PANCHOR MURAI
2. SEKOLAH RENDAH PANGLIMA BERUDIN, LIMAU MANIS
3. SEKOLAH RENDAH PUTAT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BRUNEI DAN MUARA [BLOK : PH/ST10].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN**

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SETIAP SEBUT HARGA :
**BND10.00** [Bayaran dokumen tawaran tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
**3 MAC 2020
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]**

---

**JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Tawaran adalah dipelawa bagi
**THE SUPPLY, DELIVER AND INSTALL NEW CARPET FOR BDMD WEATHER STATION AT BIA**

Bilangan Tawaran:
**JKBD/2020/SH-07**

Tarikh Tutup :
**Rabu,
26 FEBRUARI 2020,
jam 2.00 Petang**

---

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : III, IV & V
KATEGORI :
KA01 SAHAJA - (KOD BAHARU)**

**Tarikh Tutup :**
**Selasa, 10 Mac 2020
tidak lewat jam 2.00 Petang**

**BILANGAN :
JKR / DTS / 05 / BKTKS / 2020 - T/IV**

**Nama Projek :**
**KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH TANAH SUSUR DI TANGKI AIR KG. SG. HANCHING**

**No. Projek :
JKR/ BKT - KB/ BM 1394**

**YURAN TAWARAN : BND100.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

---

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : V & VI
KATEGORI :
B01 SAHAJA - KOD BAHARU**

**TARIKH TUTUP :**
**10 MAC 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DTS / 17 / CQS / 2020 - T / V**

**NAMA PROJEK :
DESIGN AND BUILD FOR PENGUBAHSUAIAN LANTAI DUA DAN TIGA BLOK E & F KOMPLEKS YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MENJADI WEDDING DAN EVENT HALL**

**NO. PROJEK : -**

**YURAN TAWARAN :
BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**YURAN E -DOKUMEN : -**

**JABATAN DAERAH TUTONG**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**JAWATAN KOSONG SEBAGAI**

**PENGHULU MUKIM TINGKAT III - PMKK.4 (BND3,880.00 - BND4,240.00)**

**BAGI**

**DAERAH TUTONG**

**1. Mukim Kiudang**

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Mukim Kiudang untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Penghulu Mukim Kiudang, Daerah Tutong.

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN CALON PENGHULU MUKIM TINGKAT III**

1. Calon Penghulu Mukim hendaklah :

(i) Seorang lelaki yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(ii) Berumur tidak kurang tiga puluh (30) tahun dan tidak lebih lima puluh lima (55) tahun pada tarikh pencalonan diadakan.

(iii) Beragama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah Mazhab Ash-Shafiee.

(iv) Mempunyai pengetahuan baik dalam Ugama Islam, kemasyarakatan dan adat istiadat dan resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat mukim berkenaan.

(v) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian dan prihatin.

(vi) Calon hendaklah tinggal menetap dan mempunyai rumah kediaman sendiri atau tinggal bersama di rumah kediaman kepunyaan ibu bapanya di mukim ia memohon sebagai Penghulu Mukim tidak kurang dua (2) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan.

(vii) Calon yang tidak memenuhi syarat di 1 (vi) di atas hendaklah terdiri daripada penduduk asal di mukim yang ia memohon untuk menjadi Penghulu Mukim dan hendaklah tinggal dan menetap di mukim tersebut apabila dilantik sebagai Penghulu Mukim sama ada di rumah kediaman sendiri atau rumah kediaman ibu bapanya di mukim berkenaan.

(viii) Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan dibersarakan jika dilantik sebagai Penghulu Mukim dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.

(ix) Disahkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sihat tubuh badan sebelum majlis pemilihan dan pengundian dan berupaya menjalankan tugas-tugas nya sebagai seorang Penghulu Mukim.

(x) Bersih dan bebas daripada semua tapisan keselamatan, rekod-rekod jenayah, mana-mana tindakan tatatertib dan disiplin semasa berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan atau di pihak swasta atau dalam mana-mana badan atau pertubuhan dan yang berkenaan.

(xi) Tidak diisytiharkan sebagai seorang Muflis di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di dalam dan luar negara dalam tempoh dua (2) tahun sebelum tarikh tutup pencalonan.

(xii) Calon-calon hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Kebangsaan Peringkat Tinggi (HND) atau yang sebanding dengan nya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau yang sebanding dengannya serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

(d) Calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau di pihak swasta mestilah mendapat sokongan dari Ketua Jabatan atau Majikannya, serta mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG adalah merupakan satu kelebihan.

atau

(a) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkat I bagi kampung di dalam mukim berkenaan tidak kurang selama lima (5) tahun.

(b) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

(c) Mempunyai pengalaman dalam memimpin kampungnya dalam mengadakan projek-projek atau aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada perpaduan, keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan kampung.

(d) Telah juga menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat I.

**TATACARA PENCALONAN PENGHULU MUKIM**

1. Setiap pencalonan bagi mengisikan jawatan Penghulu Mukim mestilah dibuat mengikut tatacara berikut :

(a) Calon hendaklah dicalonkan dengan menggunakan Borang Khas Pencalonan yang disediakan oleh Jabatan Daerah dengan ditandatangani oleh seorang Pencadang dan dua (2) orang Penyokong. Borang Khas Pencalonan hendaklah juga ditandatangani oleh calon sebagai pernyataan pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya.

(b) Penamaan calon hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Daerah sebelum tarikh penutupan pencalonan dan sebarang penamaan calon selepas tarikh tutup pencalonan adalah tidak sah dan tidak diterima.

(c) Calon yang tidak menandatangani Borang Khas Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon.

(d) Penarikan diri daripada pencalonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Daerah tidak lewat 30 hari daripada tarikh pencalonan.

2. Calon, Pencadang dan Penyokong

(a) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam berumur tidak kurang lapan belas (18) tahun pada tarikh pencalonan.

(b) Pencadang dan Penyokong hendaklah penduduk mukim berkenaan dan tinggal menetap di mukim tersebut pada tarikh tutup pencalonan.

(c) Pencadang dan Penyokong hanya boleh mencadangkan dan menyokong seorang calon sahaja.

(d) Pencadang dan Penyokong boleh dicalonkan.

**TATACARA MENGHADAPKAN BORANG PENCALONAN :**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

**Unit Pentadbiran**
**Bahagian Institusi Mukim dan Kampung**
**Jabatan Daerah Tutong**
**Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Isnin, 21 Rejab 1441 bersamaan 16 Mac 2020, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 4222491.

**JABATAN DAERAH BELAIT**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**JAWATAN KOSONG SEBAGAI**

**PENGHULU MUKIM TINGKAT III - PMKK.4 (BND3,880.00 - BND4,240.00)**

**BAGI**

**DAERAH BELAIT**

**1. Mukim Seria**
**2. Mukim Melilas**

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Belait dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Belait untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Penghulu Mukim bagi mukim-mukim di Daerah Belait.

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN CALON PENGHULU MUKIM TINGKAT III**

1. Calon Penghulu Mukim hendaklah :

(i) Seorang lelaki yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(ii) Berumur tidak kurang tiga puluh (30) tahun dan tidak lebih lima puluh lima (55) tahun pada tarikh pencalonan diadakan.

(iii) Beragama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah Mazhab Ash-Shafiee.

(iv) Mempunyai pengetahuan baik dalam Ugama Islam, kemasyarakatan dan adat istiadat dan resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat mukim berkenaan.

(v) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian dan prihatin.

(vi) Calon hendaklah tinggal menetap dan mempunyai rumah kediaman sendiri atau tinggal bersama di rumah kediaman kepunyaan ibu bapanya di mukim yang ia memohon sebagai Penghulu Mukim tidak kurang dua (2) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan.

(vii) Calon yang tidak memenuhi syarat di 1 (vi) di atas hendaklah terdiri daripada penduduk asal di mukim yang ia memohon untuk menjadi Penghulu Mukim dan hendaklah tinggal dan menetap di mukim tersebut apabila dilantik sebagai Penghulu Mukim sama ada di rumah kediaman sendiri atau rumah kediaman ibu bapanya di mukim berkenaan.

(viii) Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan dibersarakan jika dilantik sebagai Penghulu Mukim dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.

(ix) Disahkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sihat tubuh badan sebelum majlis pemilihan dan pengundian dan berupaya menjalankan tugas-tugas nya sebagai seorang Penghulu Mukim.

(x) Bersih dan bebas daripada semua tapisan keselamatan, rekod-rekod jenayah, mana-mana tindakan tatatertib dan disiplin semasa berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan atau di pihak swasta atau dalam mana-mana badan atau pertubuhan dan yang berkenaan.

(xi) Tidak diisytiharkan sebagai seorang Muflis di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di dalam dan luar negara dalam tempoh dua (2) tahun sebelum tarikh tutup pencalonan.

(xii) Calon-calon hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Kebangsaan Peringkat Tinggi (HND) atau yang sebanding dengan nya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau yang sebanding dengannya serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

(d) Calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau di pihak swasta mestilah mendapat sokongan dari Ketua Jabatan atau Majikannya, serta mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG adalah merupakan satu kelebihan.

atau

(a) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkat I bagi kampung di dalam mukim berkenaan tidak kurang selama lima (5) tahun.

(b) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

(c) Mempunyai pengalaman dalam memimpin kampungnya dalam mengadakan projek-projek atau aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada perpaduan, keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan kampung.

(d) Telah juga menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat I.

**TATACARA PENCALONAN PENGHULU MUKIM**

1. Setiap pencalonan bagi mengisikan jawatan Penghulu Mukim mestilah dibuat mengikut tatacara berikut :

(a) Calon hendaklah dicalonkan dengan menggunakan Borang Khas Pencalonan yang disediakan oleh Jabatan Daerah dengan ditandatangani oleh seorang Pencadang dan dua (2) orang Penyokong. Borang Khas Pencalonan hendaklah juga ditandatangani oleh calon sebagai pernyataan pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya.

(b) Penamaan calon hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Daerah sebelum tarikh penutupan pencalonan dan sebarang penamaan calon selepas tarikh tutup pencalonan adalah tidak sah dan tidak diterima.

(c) Calon yang tidak menandatangani Borang Khas Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon.

(d) Penarikan diri daripada pencalonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Daerah tidak lewat 30 hari daripada tarikh pencalonan.

2. Calon, Pencadang dan Penyokong

(a) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam berumur tidak kurang lapan belas (18) tahun pada tarikh pencalonan.

(b) Pencadang dan Penyokong hendaklah penduduk mukim berkenaan dan tinggal menetap di mukim tersebut pada tarikh tutup pencalonan.

(c) Pencadang dan Penyokong hanya boleh mencadangkan dan menyokong seorang calon sahaja.

(d) Pencadang dan Penyokong boleh dicalonkan.

**TATACARA MENGHADAPKAN BORANG PENCALONAN :**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

**Unit Pentadbiran**
**Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung**
**Jabatan Daerah Belait**
**Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Selasa, 6 Syaaban 1441 bersamaan 31 Mac 2020, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 3334335 / 336 sambungan 1115 / 1127 / 1185.

# IMBASAN MINGGUAN




PARA peserta dengan bersemangat memulakan larian ketika menyertai Walk, Run and Cycle sempena Hari Kanser Sedunia. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.



ANTARA babak menarik persembahan teater muzikal bertajuk '8 women' - Foto : Azmah Haji Ahad.



DUA peserta Perkampungan Sivik membuat mini karipap merupakan hasil produk MPK Kampung Menengah. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



KEGEMBIRAAN... Pasukan Kota Ranger FC meraikan gol ketiga melalui wiranya Adi Said ketika menentang MS ABDB bagi Piala Sumbangsih 2020 - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.




ANTARA persembahan menarik dalam kempen kesedaran sepadu bagi melindungi dan membimbing ibu dan anak. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

# Semak semula cadangan pemakanan untuk orang awam



YANG Berhormat Menteri Kesihatan berucap semasa Majlis Pelancaran dan Simposium Garispandu Pemakanan Kebangsaan bagi Pemakanan Sihat Negara Brunei Darussalam 2020 bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, Berakas.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BERAKAS,** Ahad, 16 Februari. - Sejak beberapa dekad yang lalu, Negara Brunei Darussalam telah menyaksikan pengaruh globalisasi dan urbanisasi terhadap perubahan tabiat pemakanan dan gaya hidup masyarakat.

Perubahan tersebut sememangnya menyumbang kepada pengambilan pemakanan yang tidak seimbang yang menjadi punca kepada peningkatan kadar pelbagai penyakit tidak berjangkit atau *non-communicable diseases* (NCDs) yang berkaitan dengan pemakanan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar berkata Kaji Selidik Cross-sectional STEPwise Approach to Surveillance (STEPS) Population Survey of NCDs and Risk Factors 2015-2016 menunjukkan bahawa 28.2 peratus mempunyai berat badan berlebihan atau obes; 51.3 peratus mempunyai tahap kolesterol tinggi di dalam darah; dan 91.7 peratus mengkonsumsi kurang daripada lima hidangan buah atau sayur setiap hari.

"21.8 peratus rakyat Brunei sentiasa atau kerap menambah garam atau sos kepada makanan mereka dan 19.5 peratus sentiasa atau kerap mengkonsumsi makanan yang berproses yang mempunyai kadar garam yang tinggi.

Purata pengambilan garam di kalangan orang Brunei adalah 10 gram sehari, yang merupakan dua kali ganda daripada saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu sebanyak lima gram sehari sahaja," ujar Yang Berhormat lagi.

Manakala, Kaji Selidik Kebangsaan Status Kesihatan dan Pemakanan 2009-2010 (NHANNS) menunjukkan bahawa lebih daripada separuh dalam kalangan orang dewasa mengkonsumsi lebih daripada 10 peratus tenaga daripada tepu lemak (fat saturated), jelas Yang Berhormat lagi.

"Kaji Selidik juga menunjukkan kadar harian pengambilan gula dalam kalangan orang dewasa adalah kira-kira 23 peratus dan angka tersebut hampir dua kali ganda dalam kalangan kanak-kanak.

Oleh itu, adalah sangat tepat pada masanya cadangan makanan bagi orang awam disemak semula dan dikemaskinikan, selaras dengan bukti saintifik terkini dan cabaran terkini yang dikemukakan oleh penyakit-penyakit tidak berjangkit di Negara Brunei Darussalam," tambah Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran dan Simposium Garispandu Pemakanan Kebangsaan bagi Pemakanan Sihat Negara Brunei Darussalam 2020 bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, Berakas.

Garispandu Pemakanan Kebangsaan bagi Pemakanan Sihat 2020 (National Dietary Guidelines for Healthy Eating 2020) tersebut mengandungi maklumat dan panduan-panduan amalan pemakanan yang cukup jelas serta dihasilkan berlandaskan bukti saintifik terkini.

Ia diharap agar dapat digunakan oleh pelbagai pihak berkepentingan seperti dalam penyediaan maklumat kesihatan mengenai amalan pemakanan yang sahih, tepat dan dipercayai untuk orang awam di Negara Brunei Darussalam; memberi panduan serta maklumat kepada para penggubal dasar dalam pembentukan dasar-dasar pemakanan untuk kesihatan awam di pelbagai persekitaran seperti sekolah, tempat kerja, tempat penjualan makanan dan minuman termasuk School Health Nutrition Policy, School Canteen Guidelines; Nutrient Guidelines for Foods and Beverages with the Healthier Choice Logo; Guidelines on Sales and Catering of Food and Beverages at the Workplace dan Nutrient Guidelines for Healthy Dining, Fiscal Policy on Sugar-Sweetened Beverages.

Selain memberi panduan kepada para profesional kesihatan dalam mempromosi dan menyokong pengambilan pemakanan yang mencukupi, seimbang dan selamat sekali gus dapat mengurangkan risiko pelbagai penyakit tidak berjangkit; dan mereka bentuk sebarang kurikulum yang berkenaan oleh para ahli akademik dan penyelidik yang terlibat dalam mengajar atau penyelidikan perkara-perkara yang berkaitan dengan pemakanan.

Program dihadiri oleh para profesional dan pekerja kesihatan dari sektor kerajaan dan bukan kerajaan, pensyarah-pensyarah, mahasiswa mahasiswi dan penuntut-penuntut daripada Institusi-institusi Pengajian Tinggi termasuk Universiti Brunei Darussalam, Universiti Teknologi Brunei dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).



ANTARA yang hadir pada Majlis Pelancaran dan Simposium Garispandu Pemakanan Kebangsaan bagi Pemakanan Sihat Negara Brunei Darussalam 2020 tersebut.

# Fiesta Belia Belait perkenalkan MINDA Youth Movement



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri) diberikan penerangan semasa menyaksikan salah satu pameran.

Siaran Akhbar : MINDA Youth Movement
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BELAIT,** Sabtu, 15 Februari. - MINDA Youth Movement dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Belait dan Da'im Event Management Services di atas sokongan daripada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan buat julung kalinya menganjurkan Fiesta Belia Belait yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Jabatan Belia dan Sukan, Daerah Belait.

Pelancaran fiesta tersebut disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Tetamu Kehormat Majlis.

Antara objektif Fiesta Belia Belait diadakan adalah untuk memperkenalkan MINDA Youth Movement kepada masyarakat tentang kewujudan agensi tersebut dalam membantu para belia di Daerah Belait untuk tampil bergiat aktif sejajar dengan hasrat kerajaan.

Di samping itu, memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana tempatan berkecimpung dalam bidang keusahawanan di samping meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Sebanyak 40 petak disediakan bagi pengusaha-pengusaha yang menjual pelbagai jenis barangan terdiri dari pakaian, aksesori, makanan dan sebagainya.

Para peniaga terdiri daripada mereka yang tinggal di Daerah Belait dan juga dari daerah-daerah lain.

Fiesta tersebut dianjurkan selama dua hari berturut-turut bermula hari ini yang dibukakan dari jam 4.30 petang hingga 10.00 malam dan esok, bermula jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam.

Sepanjang fiesta ini dijalankan, pelbagai aktiviti telah diadakan bagi memeriahkan lagi suasana fiesta tersebut.




SEBAHAGIAN daripada persembahan menyerikan Fiesta Belia Belait.

# Sekitar Program Belia Cinta Tanah Air Kali Ke-15

## Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 16 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan yang Ke-36 tahun pada 23 Februari ini.

Sehubungan itu, dalam sama-sama menzahirkan sokongan dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Ulil Amri dan NBD, peserta Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) Kali Ke-15 pagi tadi menyertai upacara Menaikkan Bendera NBD sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-36, Tahun 2020, berlangsung di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Majlis diadakan sejurus selesai Majlis Menaikkan Bendera Besar Kebangsaan NBD di kawasan lapang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd Azlan bin Pengiran Haji Tengah Omar.

Acara dimulakan dengan perbarisan peserta PBCTA Kali Ke-15 memasuki Kawasan Pusat Belia, BSB.

Pada majlis tersebut, wakil peserta PBCTA menyerahkan bendera Negara Brunei Darussalam kepada tetamu kehormat yang seterusnya menyerahkannya kepada Penyelia Pusat Belia, Awang. Haji Mohd. Sofian bin Haji Amit untuk dinaik-kibarkan.

Majlis juga diselajurkan dengan penyerahan bendera Negara Brunei Darussalam kepada ketua-ketua keluarga bagi mangsa kebakaran di Kampung Pengiran Bendahara Lama yang disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan.

Upacara Menaikkan Bendera NBD diiringi dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Acara tersebut adalah bertujuan untuk menanamkan semangat patriotisme dalam kalangan peserta program sekali gus memberi peluang kepada mereka untuk meraikan hari kebangsaan dan menghargai rasa kecintaan kepada negara dalam kalangan ahli.




PEMANGKU Timbalan Pengarah Belia dan Sukan (kanan) menyerahkan bendera kepada Penyelia Pusat Belia untuk dinaik-kibarkan.

## Daerah Tutong



KETUA Cawangan Jabatan Belia dan Sukan Tutong selaku Pengerusi Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) Peringkat Daerah Tutong menyerahkan bendera kepada wakil peserta PBCTA.

Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG,** Ahad, 16 Februari. - Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) bertujuan meningkatkan semangat kenegaraan dan kebitaan ke arah meningkatkan lagi semangat patriotik belia melalui aktiviti-aktiviti yang diadakan.

Bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020, 10 belia PBCTA di Daerah Tutong menyertai Upacara Menaikkan Bendera Negara di Pusat Belia Daerah Tutong, di sini.

Ketua Cawangan Jabatan Belia dan Sukan Tutong selaku Pengerusi PBCTA Peringkat Daerah Tutong, Awang Kamil bin Lamat selaku tetamu kehormat semasa ditemui menjelaskan, program yang menjurus ke arah pembangunan belia yang mampan ini mula diperkenalkan pada tahun 2006.

Melalui program seumpamanya diharap akan dapat meningkatkan semangat patriotik dan cinta kepada negara dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini khususnya dalam kalangan belia.

Terdahulu upacara menaikkan bendera oleh wakil peserta PBCTA diikuti dengan lagu 'Allah Peliharakan Sultan'.

## Daerah Temburong



Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

PENOLONG Pekerja Kanan Belia dan Sukan Cawangan Temburong (dua, kiri) menyerahkan bendera kepada wakil peserta Program Belia Cinta Tanah Air.

**TEMBURONG,** Ahad, 16 Februari. - Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-36 Tahun, 2020 berlangsung pagi tadi dengan melibatkan Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) Ke-15 tahun bagi Daerah Temburong yang diadakan di Pusat Belia Daerah Temburong, di sini.

Acara dimulakan dengan penyerahan bendera daripada Penolong Pekerja Kanan Belia dan Sukan Cawangan Temburong, Dayang Hajah Jumilah binti Haji Jumahat kepada wakil belia.

Seterusnya belia-belia menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam diiringi dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

PBCTA Ke-15, Tahun 2020 seterusnya bergerak ke Kampung Belais dan Buda-Buda untuk menyerahkan Bendera NBD kepada orang-orang yang terpilih di kampung tersebut.

## Daerah Belait

Berita an Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**KUALA BELAIT,** Ahad, 16 Februari. - Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) merupakan program untuk para belia meningkatkan nilai-nilai hidup beragama, berbangsa dan bernegara serta menyemarakkan lagi semangat kenegaraan (patriotik) semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, selaras dengan tujuan program, peserta PBCTA Kali Ke-15 tahun ini juga tidak ketinggalan untuk menzahirkan semangat kenegaraan dengan mengadakan upacara menaikkan bendera di perkarangan bangunan Pusat Belia, di Kuala Belait.

Hadir menyaksikan upacara tersebut ialah Ketua Cawangan Belia dan Sukan Daerah Belait, Awang Mohd. Shah Johan bin Haji Shari.

Bendera dinaikkan oleh peserta diiringi Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' yang disertai oleh warga Daerah Belait yang hadir berhampiran dengan majlis tersebut.

PBCTA dihasratkan untuk melahirkan lebih ramai lagi belia yang berjiwa patriotik, cinta kepada negara, berwawasan, menghargai keperibadian bangsa, selain dapat dijadikan satu mekanisme dalam membimbing para belia untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan yang bersifat kenegaraan dan kemasyarakatan ke arah melahirkan generasi belia berwawasan.



PESERTA Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) menaikkan bendera negara di pekarangan bangunan Pusat Belia di Kuala Belait sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020.

# Platform untuk berinteraksi dan mengukuhkan perpaduan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Haji Mohd. Noor / Morshidi



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.



TIMBALAN Pengerusi Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Tionghua 2020, Awang Soon Seng Lee.



PRESIDEN Dewan Perniagaan Tionghua (Chinese Chamber's of Commerce), Malcolm Lim.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 15 Februari. - Kemeriahan Sambutan Perayaan Tahun Baharu Tionghua bukan sahaja dirasakan oleh masyarakat Tionghua malah para penduduk berbilang kaum di negara ini turut sama memeriahkannya sekali gus melambangkan perpaduan rakyat di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan jayanya.

Perayaan Majlis Ramah Mesra Tahun Baharu Tionghua setentunya lebih bermakna dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja yang lain.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh menyifatkan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja yang lain bercemar duli ke Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Tionghua bukan sahaja mempamerkan sikap penyayang dan keprihatinan seorang raja berjiwa rakyat tapi ia juga dapat meningkatkan tahap kesetiaan rakyat dan penduduk tetap di negara ini terhadap baginda.

Jelasnya, ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Majlis sangat-sangat menjunjung kasih ke hadapan Majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana berkenan berangkat ke majlis tersebut.

Dengan kebimbangan negara terhadap isu penyakit, 'Coronavirus' yang melanda dunia ketika ini, keberangkatan baginda setentunya memberikan semangat yang tinggi khususnya bagi masyarakat Tionghua.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, melalui perhimpunan perayaan seumpama itu juga sekali gus dapat mengumpulkan masyarakat-masyarakat Tionghua dan persatuan-persatuan dari keempat-empat daerah bagi mengukuhkan lagi perpaduan dan silaturahim antara mereka.

Menurutnya, perayaan yang dianjurkan ini juga sangat bermakna kerana ia bukan sahaja dihadiri oleh masyarakat Tionghua malah jemputan yang hadir adalah terdiri dari berbilang kaum terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan swasta, persatuan-persatuan dan persendirian di negara ini.

Kemeriahan Majlis Ramah Mesra turut dirasakan oleh Timbalan Pengerusi Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baharu Tionghua 2020, Awang Soon Seng Lee. Menurutnya keberangkatan Kebawah DYMM berserta kerabat Diraja ke majlis tersebut setiap tahun merupakan satu kebanggaan kepada seluruh masyarakat Tionghua. Ia juga merupakan satu platform yang penting untuk masyarakat berbilang kaum di negara ini untuk berinteraksi dan menghayati budaya masing-masing.

Sementara itu, Presiden Dewan Perniagaan Tionghua (Chinese Chamber's of Commerce), Malcolm Lim turut mengakui bahawa penularan wabak virus baharu 'Coronavirus' yang melanda dunia ketika ini juga sedikit sebanyak menjejaskan perayaan sambutan Tahun Baharu Cina di mana ada di antara saudara mara mereka dari negara luar tidak dapat membuat perjalanan keluar negara kerana beberapa sekatan yang dibuat ke atas perjalanan udara.

Beliau berkata, walaupun tidak ada persembahan jemputan dari luar negara pada tahun ini, namun persembahan perayaan Majlis Ramah Mesra tahun ini di mana kesemuanya merupakan peserta tempatan yang terdiri dari pelajar-pelajar sekolah dan penari-penari yang berpengalaman juga tidak kurang hebatnya dalam mempersembahkan gerak tari sudah cukup untuk menghiburkan para jemputan yang hadir.

# Minyak Shell V-Power kini dijual di 14 stesen terpilih

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Shell Marketing

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 16 Februari. - Minyak Shell V-Power dan Shell V-Power Diesel yang telah dilancarkan pada 10 Februari lalu kini mula dijual kepada orang ramai bermula hari ini di stesen-stesen terpilih di seluruh negara.

Pagi tadi, wakil-wakil daripada pihak kepimpinan Brunei Shell Marketing (BSM) berada di tiga stesen minyak berasingan iaitu Stesen Minyak Mar'azmala di Jerudong; Stesen Minyak Pakatan di Tutong dan Stesen Minyak Roxana di Seria bagi menyaksikan penjualan Shell V-Power Petrol.

Di Stesen Minyak Mar'azmala, merasmikan pembelian minyak tersebut ialah Pengarah Urusan Brunei Shell Marketing (BSM), Awang Muhammad Norshafiee bin Dato Paduka Haji Abdul Jalil dan pemilik stesen minyak berkenaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar bin Haji Abd. Aziz.

Minyak Shell V-Power dan Shell V-Power Diesel merupakan produk berkualiti terkini daripada BSM yang berfungsi untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kuasa enjin kenderaan.

Dengan perkembangan teknologi dalam industri automotif global, Minyak Shell V-Power dan Shell V-Power Diesel direka untuk lebih efisien dan melindungi enjin kenderaan awda sepanjang perjalanan dengan meningkatkan kuasa enjin dan membantu memaksimakan tenaga dari bahan bakar.

Minyak Shell V-Power dapat digunakan oleh mana-mana kenderaan tanpa mengira kenderaan baharu atau lama.

Minyak Shell V-Power dan Shell V-Power Diesel akan menjadi bahan api tambahan dalam pasaran minyak Negara Brunei Darussalam.

Manakala Shell Premium, Shell Super, Shell Regular dan Shell Diesel tidak akan berubah dan masih ada tersedia untuk para pelanggan.

Bermula hari ini sehingga 30 Jun 2020, dengan setiap pembelian Shell V-Power, para pengguna berpeluang memenangi Porsche Macan S dan para pelanggan juga berpeluang membawa pulang beberapa hadiah menarik ketika stok masih ada.

Minyak Shell V-Power akan dijual di 14 stesen minyak terpilih sementara Shell V-Power Diesel akan tersedia di tujuh stesen runcit yang terpilih.

Untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai senarai stesen minyak terpilih, layari laman sesawang BSM di *www.bsm.com.bn* dan ikuti Instagram,*@bruneishellmarketing*.




**PARA petugas stesen minyak ketika mengendalikan jualan Shell V-Power di stesen minyak yang terpilih.**






INDUSTRI KOTEJ

# Kreativiti Sinah Bisc menepati cita rasa

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto : Ihsan Hajah Hasinah Haji Serudin

HIASAN pada kek dan biskut umumnya berbentuk bunga atau buah-buahan perlu diinovasi kerana ia akan menjadi sesuatu yang lebih menarik. Bagi Dayang Hajah Hasinah binti Haji Serudin, seorang usahawan yang bergiat aktif dalam perniagaan kek dan biskut mendapat idea untuk membuat inovasi terhadap pelbagai kek dan biskut.

Penglibatan dalam industri kek dan biskut ini bermula sejak di bangku Sekolah Menengah Bawah lagi, membantu Allahyarhamah ibu yang juga giat aktif dalam industri yang sama. Memulakan perniagaan menjual kek dan biskut dengan mengambil tempahan secara dalam talian dari Blog pada tahun 2003 dan terus mengikut perkembangan trend semasa berniaga melalui platform; Facebook, Instagram dan WhatsApp hingga ke hari ini.

Berkongsi cerita mengenai diri, Dayang Hajah Hasinah, selain belajar dan menghias pelbagai kek, pengalaman pertamanya mengikuti kursus gula aising fondan ialah pada tahun 2012 di Le Apple, ingin tahu bagaimana cara cef tersohor dari Malaysia membuat kek fondan memberikan sumber inspirasi dan keyakinan diri untuk mengambil tempahan kek aising fondan yang lebih mencabar lagi.

Apa yang menarik perhatian, beliau mengekalkan kualiti kek dan biskut yang unik yang menghadapi saingan masa kini seperti mencipta kek perkahwinan paling tinggi, kek ulang tahun hari jadi dengan pelbagai kreativiti sejak berjinak-jinak dengan aising, beliau tidak pernah terbeban memikirkan konsep hiasan atau kreativiti yang perlu dihasilkan untuk menambat hati pelanggan.

"Kebanyakan kek yang saya hasilkan dihias secara spontan. Kecuali kalau dapat permintaan khusus daripada pelanggan yang mahukan tema dan perincian tertentu pada kek dan biskut tetapi tempahan hendaklah dibuat awal-awal lagi dua ke tiga bulan," katanya.

## Peka

Beliau sentiasa peka dengan perkembangan fesyen kek dan biskut terkini dengan banyak membaca buku dan majalah, menonton rancangan televisyen perihal makanan di dalam dan di luar negara seperti rangkaian TLC, AFC, TVN (stesen televisyen Republik Korea) di samping rajin melayari sesawang yang menumpukan kepada industri kek dan biskut.

Beliau mengambil keputusan berhenti bekerja dari bidang komputer di salah sebuah jabatan kerajaan pada tahun 2011 kerana ingin menumpukan sepenuh masa dengan perniagaan kek dan biskut yang tidak menang tangan.

"Dengan membawa cogan kata 'Hidangan dari hati, sentuhan berseni', kita cuba reka cipta produk tersendiri yang lebih asli daripada meniru bulat-bulat produk orang lain. Rajin-rajin mencuba," katanya.

Di samping produk itu cantik di mata, tegasnya, rasa juga mestilah diambil berat. Bak kata pepatah 'Dari mana datangnya cinta? Dari mata turun ke hati'. Jadi produk itu mestilah mempunyai kekuatan rupa untuk menarik hati pelanggan untuk membelinya. Bukan saja cantik luarannya, rasa produk itu juga mestilah sedap.

Menyentuh mengenai tempahan, seperti musim raya misalnya, Dayang Hajah Hasinah menyediakan pakej lengkap, daripada bungkusan hadiah yang lengkap dengan kartu raya (yang dibuat sendiri) untuk membahagiakan si penerima nanti terutama para wanita bekerja yang tiada masa di rumah untuk membuat biskut, dengan menyiapkan balang yang cantik berhias lengkap dengan dulang. Jadi wanita-wanita atau ibu-ibu bekerja tidak risau lagi bila tetamu datang, biskut-biskut itu sudah siap cantik untuk dihidangkan di atas meja.

Bila diajukan soalan mengenai saingan memang ada di setiap penjuru. Ini memandangkan negara kitani yang kecil dengan penduduk yang sedikit, jumlah pelanggan tetap sama. Jadi kita cuba buat sesuatu kelainan, sesuatu yang manis di mata dan yang melekat di hati agar benar-benar menambat hati pelanggan untuk menjadi pelanggan setia dan turun-temurun.

## Berjaya

Menyentuh mengenai pengalamannya, beliau berasa bersyukur, setelah melalui perjalanan sukar, selama 15 hari bersama warga Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) akhirnya pada 25 Februari 2019 sempena Ulang Hari Kebangsaan Ke-35 Negara Brunei Darussalam telah berjaya mencatatkan lagi satu sejarah dengan membentuk sebuah peta Negara Brunei Darussalam hasil daripada himpunan 1,440 biji biskut *cookies* Ais Badam yang diungkayahkan beliau bersama lebih kurang 100 pegawai dan kakitangan Hospital RIPAS yang berjuang dengan cara yang unik dan tersendiri. Berjuang dengan tepung dan mentega. Berjuang dengan peralatan membakar yang tidak lengkap dan tidak mencukupi. Berjuang dengan ilmu membakar kuih maka terbentuklah peta Negara Brunei Darussalam. Usaha ini telah menjadi tumpuan dan sambutan dari orang ramai.

Mengenai cita-cita pula, beliau ingin membuka Kafe Artisan Cake & Cookies dengan prinsip hobi dan santai. Falsafah dalam bisnes beliau Jangan meniru. Buat kelainan, unik dan tulen.

Bagi sesiapa yang berhajat membuat tempahan bolehlah menghubunginya melalui telefon bimbit +673 8778280 atau Instagram : *sinahbisc*; Facebook : *Sinah Bisc* dan Blog : *sinahbisc.blogspot.com.*

# Semaikan cinta pada bendera negara

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto : Jabatan Penerangan



KEMERDEKAAN yang dicapai hampir empat dekad bukan sesuatu yang mudah, panjatkanlah rasa syukur kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah dan kurnia-Nya jua kita dapat sama-sama meraikan Hari Kebangsaan negara kita tidak lama lagi.

Dalam seminggu lagi, iaitu pada 23 Februari 2020, negara kita akan menyambut Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36. Pamerkanlah rasa syukur dan bangga melalui penaikan bendera dan pengibaran bendera negara kita di setiap rumah, bangunan kerajaan mahupun swasta ke arah memupuk kesedaran semangat patriotisme.

Ia adalah meningkatkan kesedaran kita dalam memberikan penghormatan dan meletakkan bendera sebagai lambang rasa jati diri, secara langsung dapat mendidik untuk menjaga, menghormati serta memperkasakan bendera sebagai lambang kedaulatan negara, yang mana nilai-nilai inilah yang perlu dipupuk dan disemaikan kepada orang ramai.

Kesedaran dan kepentingan menaikkan bendera ternyata sudah dilatih untuk menghayati bendera negara sejak dari awal lagi, memandangkan pengetahuannya terhadap setiap lambang-lambang yang terdapat di atas bendera selain untuk mendukung hasrat murni dan wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi pembangunan dan kesejahteraan negara, sebagaimana yang dipegang di dalam Wawasan Negara 2035 dan selaras dengan tema Hari Kebangsaan pada tahun ini, iaitu 'Menjayakan Wawasan Negara'.

Tujuan bendera kebangsaan dikibarkan adalah bagi menzahirkan rasa cinta dan syukur menjadi warga bagi memupuk semangat cintakan negara, selain melambangkan kemegahan agar semangat terus meresap ke dalam jiwa kerana ia mempunyai aura tersendiri di samping melambangkan kedaulatan negara kita.

Hormati dan kibarkanlah bendera kebangsaan kita dengan megahnya kerana bendera kebangsaan kita adalah identiti dan maruah kita jua, gugur dan jatuh bendera negara seperti menjatuhkan maruah kita sama, maka jangan dibiarkan bendera negara kita diabaikan begitu sahaja, hormati serta naik dan kibarkanlah bendera kita dengan gahnya, sebagai tanda syukur atas rahmat-Nya, bukan mudah untuk memperoleh kemerdekaan bagi anak bangsanya, pelbagai liku telah diharungi dan dilaluinya hingga mampu menghirup udara kemerdekaannya.

### Menghormati

Bendera negara boleh membangkitkan semangat untuk bergembira, berani dan berkorban dan dari sudut kenegaraan, bendera mempunyai nilai kedaulatan dan lambang maruah dan jati diri warganya.

Justeru, kaedah dan atur cara penggunaannya perlu bersesuaian bagi menjaga nilai kedaulatan negara dan rakyatnya. Penggunaan dan kaedah yang salah boleh menjatuhkan martabat kedaulatan yang ada pada bendera negara berkenaan.

Setiap elemen seperti rupa, warna dan susunan suatu bendera mempunyai maksud berdasarkan sosiobudaya dan sejarah sesebuah negara.

Sebagai rakyat dan penduduk, kita perlu memandang tinggi dan menghormati Bendera Negara Brunei Darussalam sebagai lambang rasmi negara dan memelihara dengan sebaik-baiknya tanpa mencemarkan dan merosakkannya. Adalah menjadi tanggungjawab rakyat dan penduduk negara ini untuk mengetahui cara dan peraturan yang betul ketika menaikkan dan memasang bendera negara. Dalam pada itu, semangat patriotisme perlu diperkukuhkan khasnya dalam kalangan generasi muda.

Lazimnya, ukuran standard bendera biasa yang kelihatan berkibaran (tidak termasuk bendera kecil dan bendera besar negara) adalah berukuran 72 inci panjang dan 36 inci lebar yang diarahkan untuk dikibarkan oleh seluruh dan rakyat di Negara Brunei Darussalam bukan hanya sebagai tanda meraikan dan memeriahkan sambutan hari-hari istiadat dan kebesaran negara seperti Hari Kebangsaan dan Hari Keputeraan Kebawah DYMM pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan malahan sebagai tanda ketaatan dan kesetiaan kita kepada raja dan negara yang kita kasihi.

Bendera hendaklah dikibarkan menegak menggunakan tiang bendera sepanjang 10 kaki dengan pendakap khas tiang bendera secara 30 - 45 darjah di kawasan beranda. Manakala bagi kawasan depan rumah hendaklah menggunakan tiang bendera tidak melebihi 20 kaki bagi bendera negara dan 30 kaki bagi bendera peribadi. Sementara bagi bangunan-bangunan kerajaan atau swasta hendaklah menaik dan mengibarkan bendera negara di atas bangunan dengan menggunakan tiang bendera sepanjang 10 kaki. Bagi hadapan bangunan pula ketinggian tiang bendera tidak melebihi 20 kaki dan tiang bendera tersebut tidak dipacak terus ke tanah.

Bendera rasmi Negara Brunei Darussalam mula direka bentuk pada tahun 1906 berbentuk empat persegi panjang tepat mengandungi warna kuning, putih hitam dan kuning di mana pemilihan warna-warna berkenaan adalah hasil daripada perjanjian serta persetujuan pihak-pihak yang terlibat dalam pembentukan bendera berkenaan ketika itu.

Negaraku benderaku jiwaku, berkibarlah terus di ruang angkasa tanah airku, semoga bangsaku terus berjaya dan maju, agar hidup rakyat dan penduduk negaraku terus dan sentiasa bersepadu, panjatkanlah syukur dan doa kepada-Nya selalu, agar hidup kita di bumi Brunei Darussalam diberkati dan dirahmati oleh-Nya selalu. Marilah kita sama-sama menghormati bendera negara kita.



# Penghargaan kepada penaja



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (kiri) menyempurnakan penyerahan sijil penghargaan penaja kepada Takaful Brunei Am Sendirian Berhad.

Berita : Ihsan Al-Amin Recovery Management
Foto : Ihsan Haji Mohamad Abdul Rahman Haji Maidin (MBP.BN)

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 15 Februari. - Al-Amin Recovery Management mengadakan Majlis Penghargaan Kepada Para Penaja di Avenue 41, Kampong Kiarong pada 14 Februari 2020.

Ia sebagai penghargaan kepada para penaja yang selama ini telah memberi sokongan dan sumbangan kepada Al-Amin Recovery Management dalam membantu menjalankan program Pencegahan dan Kepulihan bagi tujuan komuniti bebas dari penyalahgunaan Dadah / Bahan terlarang sejak ditubuhkan Julai 2018.

Hadir selaku tetamu kehormat Majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Isra', ayat 82 seterusnya diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengasas Al-Amin Recovery Management, Muhammed Fazirul Hakeem bin Hj Md Zenudin.

Penyampaian sijil disampaikan oleh Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty kepada wakil-wakil syarikat, NGO & persendirian.

Al-Amin Recovery Management adalah perusahaan sosial yang bertujuan untuk menangani isu penyalahgunaan bahan terlarang atau ketagihan melalui Taklimat serta Program Bimbingan termasuk kemahiran dalam membuat keputusan yang berkesan dan kemahiran pengurusan diri.

Al-Amin Recovery Management juga telah menjalankan beberapa program untuk mendidik para belia tentang kesan dan akibat penyalahgunaan bahan terlarang yang mana program ini telah dijalankan kepada lebih 500 belia yang terdiri dari belia-belia masjid dan penuntut sekolah IBTE.

Untuk maklumat lanjut mengenai Al-Amin Recovery Management, berhubung terus melalui e-mel *info@alaminrecoverymanagement.com.bn* atau ikuti Instagram, *@alamin.bn*.

# 79 anggota PKBN libatkan diri dalam Projek Amal

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**ANGGEREK DESA**, Ahad, 16 Februari. - Bagi memenuhi salah satu komponen Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) iaitu Komponen Khidmat Komuniti selain mendedahkan para pelatih kepada konsep serta nilai-nilai kerja kemasyarakatan, amal dan bergotong-royong, seramai 79 orang anggota PKBN terdiri daripada dua pengawas pelatih diketuai oleh Dayangku Haryatini binti Pengiran Abdul Rahman terlibat dalam Projek Amal Program PKBN di Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD), di sini.

Projek amal antara lain bertujuan untuk menanam serta membina sifat serta semangat kesukarelawanan selain menyemai sifat prihatin, pemedulian dan bertanggungjawab dalam kalangan pelatih.

Antara aktiviti projek yang diungkayahkan ialah membersihkan kawasan kebun buah-buahan serta tanam-tanaman di Ibu Pejabat PPPBD.

Penubuhan PKBN adalah selaras dengan hasrat yang terkandung di dalam Dasar Belia Negara bagi 'Mewujudkan Belia Brunei Cemerlang' yang dibentuk dalam 'calak Brunei' yang mana akan menggabungkan kedua-dua aspek itu, iaitu pembinaan jati diri belia Brunei yang cemerlang serta memasukkan Komponen Fizikal dan Disiplin yang akan dijalani oleh pelatih-pelatih semasa penempatan latihan dalam Kem Latihan PKBN.



DAYANGKU Haryatini binti Pengiran Abdul Rahman mengetuai Projek Amal Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) yang disertai seramai 79 anggota PKBN di Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD).

# 300 murid sertai Program Football For School





ANTARA aksi para peserta yang menyertai Program Football For School yang diadakan di Padang Bola Sepak Sekolah Rendah Dato Mohammad Yassin, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mentiri (atas dan kiri).

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**MENTIRI**, Sabtu, 15 Februari.- Lebih 300 murid dari Sekolah Rendah Dato Mohammad Yassin, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mentiri yang mengikuti Program Football For School di Padang Bola Sepak, sekolah berkenaan, di sini.

Ketua Bahagian Pembangunan Bola Sepak Akar Umbi, Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD), Awang Haji Rozaimienizam bin Haji Jainal menjelaskan, program tersebut dilaksanakan untuk mengenal pasti murid-murid yang boleh mewakili pasukan sekolah yang akan bertanding pada kejohanan di peringkat sekolah-sekolah rendah bermula 31 Mac 2020 bagi Kluster 4.

"NFABD bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK), dengan menyediakan format bagi persediaan kejohanan tersebut yang mempunyai dua kategori bagi kejohanan sekolah rendah iaitu Kategori Bawah 9 Tahun dan Kategori Bawah 12 Tahun.

Setelah berbincang bersama guru-guru di sekolah ini, kami bersetuju untuk mengadakan program ini secara antara rumah (inter-house) yang mana para pelajar akan dibahagikan kepada empat pasukan menerusi rumah masing-masing yang akan dipantau oleh guru-guru iaitu ketua-ketua rumah mereka sendiri," ujarnya.

Awang Haji Rozaimienizam seterusnya menjelaskan program bola sepak yang disokong oleh Makan Ceria Sendirian Berhad., McDonald's Brunei tersebut antara lain bertujuan untuk memupuk nilai-nilai kerjasama dan disiplin di kalangan murid-murid.

"Permainan bola sepak sememangnya mempunyai nilai-nilai murni yang boleh diambil oleh para pelajar seperti kerjasama, disiplin, hormat menghormati dan bermain sebagai satu pasukan," jelas beliau lagi.



KETUA Bahagian Pembangunan Bola Sepak Akar Umbi, Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD), Awang Haji Rozaimienizam bin Haji Jainal semasa ditemu bual.

Pelita BRUNEI

# Sukan

## INFO SUKAN

PUSAT Pakar Pantai Jerudong (PJSC) dan Pusat Promosi Kesihatan (HPC), Kementerian Kesihatan mengadakan Acara 'Walk, Run and Cycle' sempena Hari Kanser Sedunia 2020 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien pada 9 Februari 2020 di ibu negara, dalam usaha menyatukan dunia untuk meningkatkan kesedaran tentang kanser dan menggalakkan pencegahan, pengesanan awal juga rawatan.

ePaper Pelita Brunei

# Development Run 2020 : Md Khairul Anuar, Siaw Kim Tho juara

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 16 Februari. - Md. Khairul Anuar dan Siaw Kim Tho masing-masing menjuarai Development Run 2020 bagi Kategori Lelaki 15 Kilometer (km) dan Kategori Wanita 15km yang telah berlangsung di Taman Mahkota Jubli Emas, di sini.

Sementara itu, bagi Kategori 5km Lelaki dan Perempuan masing-masing dijuarai oleh Syazwi dan Cecilla Maksimon.

Terdahulu para peserta telah mengikuti sesi pemanasan badan diikuti dengan pelepasan para peserta 15 kilometer yang disempurnakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar yang hadir selaku tetamu kehormat.

Bagi pelepasan peserta 5km Fun Race ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin. Menyusul selepas itu ialah pelepasan bagi Kategori Fun Run 2.5km yang turut disertai oleh Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet dan isteri.

Pada majlis tersebut telah menyaksikan lebih daripada 400 peserta menyertai Development Run 2020 kelolaan Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang bertujuan untuk menjadikannya sebagai sebuah landasan mewujudkan kolaborasi One Nation Approach di dalam menjana kehidupan sihat dan seimbang melalui persekitaran kemajuan yang kondusif, teratur dan berperancangan.




YANG Berhormat Menteri Pembangunan melancarkan pelepasan para peserta yang menyertai Development Run 2020 (atas). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat menyampaikan hadiah kepada juara Kategori Lelaki 15 Kilometer, Md. Khairul Anuar.

# NFABD lantik Komiti Eksekutif baharu




YANG Di-Pertua Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD), Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan semasa berucap pada Kongres Luar Biasa NFABD Kali Ke-7 bagi Tahun 2020 (kanan). Sementara gambar kiri, sesi soal jawab bersama ahli-ahli yang hadir pada kongres tersebut.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin.

**BERAKAS**, Sabtu, 15 Februari.- Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin dilantik menjadi Naib Yang Di-Pertua Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD), manakala enam Komiti Eksekutif (ExCo) baharu turut dilantik.

Ahli-ahli ExCo tersebut ialah Awang Morni bin Haji Zakaria, Awang Ah Chua Bangau bin Bangau, Pengiran Haji Waslimin bin Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin, Awang Mohd. Nazib bin Haji Ali, Awang Haji Adee Suhardee bin Haji Muhidin dan Awang Haji Mohd. Noor bin Haji Hamid, sementara Awang Muhammad Shahnon bin Haji Mohammad Salleh ditetapkan jawatan sebagai Setiausaha Agung NFABD.

Yang Di-Pertua NFABD, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan mengucapkan tahniah kepada ahli jawatankuasa yang terpilih dan seterusnya berharap para ahli jawatankuasa yang dilantik akan terus komited dan memberikan masa mereka dalam mengongsikan kemahiran dan pengalaman mereka ke arah kemajuan bola sepak negara dan NFABD.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Kongres Luar Biasa NFABD Kali Ke-7 bagi Tahun 2020 di Dewan Serbaguna, Bangunan NFABD House, Berakas.

Kongres tersebut juga turut menyaksikan beberapa perubahan seperti sistem pelesenan kelab hendaklah dilaksanakan kepada kelab-kelab yang bermain dalam liga kebangsaan, selain perubahan perincian jawatankuasa tetap kepada lapan jawatankuasa iaitu Kewangan dan Audit Dalaman; Jawatankuasa Pertandingan; Jawatankuasa Teknikal dan Pembangunan; Jawatankuasa Pengadil; Jawatankuasa Undang-Undang; Jawatankuasa Status Pemain; Jawatankuasa Media dan Pemasaran serta Jawatankuasa Keselamatan dan Integriti.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TINGKATKAN KESEDARAN PENGGUNAAN DAN KEPENTINGAN KITAR SEMULA

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجأن، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam